

"ADALAH amat penting, dalam usaha kita untuk hidup berdikari itu, kita mesti menjaga dan mengelakkan identiti bangsa, jangan sampai iaanya hilang dan luput, dan seterusnya menjadikan kita di negara ini sebagai masyarakat tanpa haluan dan pegangan."

- Titah Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-5 Hari Kebangsaan pada 23 Februari 1989.

"DAN perumpamaan-perumpamaan itu Kami buat untuk manusia, dan tiada ada yang memahaminya melainkan orang-orang yang berilmu."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al 'Ankabut, ayat 43).



TAHUN 60 / BILANGAN 26

2 MAC 2015 / 1436 جمادی الاول 11

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Ibu negara, Bandar Seri Begawan (BSB) menjadi tumpuan seluruh masyarakat dan tarikan para pelancong untuk menyaksikan kemeriahan Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 yang berlangsung di perairan Sungai Brunei berdepanan dengan Dermaga Diraja, BSB.

Kemeriahan regata tersebut bertambah meriah apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan dan seterusnya menyertainya.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Ke muka 12 dan 13

## RBD 2015 meriah



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Piala Pusingan Kurnia Kebawah DYMM kepada pemenang acara Lumba Perahu 30 Pekayuh Marathon yang dimenangi oleh Pasukan Putera Kuala Lawas (Sarawak). - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17).

## Pemodenan Terminal LTAB dapat menampung bilangan pelancong

**BANDAR SERI BEGAWAN**. - Usaha memodenkan Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) diteruskan dengan pembesaran LTAB bagi menampung bilangan penumpang atau pelancong yang semakin meningkat ke negara ini.

Projek Peningkatan Infrastruktur LTAB ini adalah melalui Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 di bawah pengawasan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) yang bergelar 'Modernisation of Brunei International Airport'.

Bagi memastikan Projek Pemodenan Terminal Lapangan Terbang mencapai kejayaan, rombongan LKEB yang diketuai oleh Penolong Ketua Pegawai Eksekutif, Awang Abdurahman Abdul Aziz pada 11 Februari 2015 telah mengadakan lawatan ke projek pemodenan di LTAB, di sini.

Matlamat utama bagi pemodenan LTAB ini adalah sebagai mercu tanda

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

kemudahan laluan masuk ke Negara Brunei Darussalam, di samping menambah baik persekitaran dan penampilan LTAB, kualiti perkhidmatan serta memenuhi

kemudahan orang awam, keselamatan dan keselesaan melalui keluasan terminal.

Ke muka 18



Muka 8



Muka 23

DPPW lancar buku memaparkan Taman Warisan ASEAN

BRUNEI DPMM FC menang bergaya ke atas Harimau Muda

## Perkembangan pendaratan ikan yu sentiasa dipantau

Siaran Akhbar Jabatan Perikanan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 28 Februari. - Sebagai langkah untuk terus memelihara dan memantau perkembangan terhadap kebimbangan semasa mengenai pendaratan ikan yu di Negara Brunei Darussalam dalam media sosial, Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menjalankan aktiviti kesedaran dengan menganjurkan kerja-kerja menyelam dan memantau terumbu.

Menyertai aktiviti tersebut pagi ini ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Pemangku Pengarah Perikanan, Awang Abdul Halidi bin Mohd. Salleh bersama pegawai-pegawai daripada Jabatan Perikanan dan Sekolah Vokasional Wasan.

Aktiviti bermula di salah sebuah kawasan menyelam yang popular di mana pelantar lama telah tenggelam dan kini menjadi tempat pembiakan kehidupan habitat laut.

Ke muka 18

# Sejarah rekonstruksi masa lampau negara bangsa

Bismillahir Rahmannir Rahim

Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua kita dapat sama-sama hadir di majlis yang berkebaikan ini iaitu Majlis Pelancaran Buku dan Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Cerita Bergambar Sejarah Brunei 2014. Di kesempatan ini saya merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Pusat Sejarah Brunei atas kejayaan jabatan ini menerbitkan 14 buah buku bagi sesi 2014-2015.

Dengan terbitnya buku-buku ini bermakna jumlah penerbitan dan sumber rujukan persejarahan kita yang dihasilkan oleh anak bangsa kita sendiri telah bertambah. Mudah-mudahan usaha seperti ini akan dapat diteruskan dengan penambahan kualiti dan kuantiti.

Sejarah adalah rekonstruksi masa lampau yang mempunyai peranan, nilai dan kegunaan dalam kehidupan bermasyarakat, bernegara dan pembangunan negara bangsa. Pendapat atau pandangan yang menganggap peristiwa masa lalu itu hanyalah bersifat antikuarianisme tidak boleh diterima kerana bangsa yang tidak mengenal sejarah dan purih bangsanya adalah bangsa amnesia masa silamnya.

Kita sering mendengar ungkapan yang menyatakan *kita belajar dari sejarah*. Ini kerana sejarah perlu dijadikan sebagai sumber kesedaran kepada masyarakat dalam memupuk semangat bagi memperbaiki segala kelemahan, menilai kesilapan yang telah dilakukan oleh masyarakat lampau, memulihkan semula kekuatan moral, dan mental bagi kemajuan individu, masyarakat dan negara.

Dalam konteks bernegara bangsa, generasi muda perlu melihat, mencontohi dan mempelajari dari sejarah lampau negara dan bangsa Brunei. Ini kerana sejarah silam bangsa mempunyai catatan kegemilangan, kebijaksanaan, kesilapan dan kegagalan. Oleh yang demikian, sikap tidak peka generasi muda kepada perkara yang berlaku di masa lampau yang dilalui oleh bangsa dan negara menjadikan mereka tidak dapat mencapai kedewasaan bernegara.

Justeru itu, sejarah negara bangsa itu perlu diketahui oleh setiap orang sebagai *balance*.

**SEJARAH perlu terus dicatat dan direkod, supaya fakta sejarah yang sahih dan benar itu dapat dimasyarakatkan, disebarluaskan dan diajarkan untuk kesinambungan bangsa dan tamadun Negara Brunei Darussalam, melalui salah satu daripadanya ialah penerbitan buku sejarah seperti usaha Pusat Sejarah Brunei hari ini.**



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa berucap pada Majlis Pelancaran Buku dan Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Cerita Bergambar Sejarah Brunei pada 6 Jamadilawal 1436 Hijrah bersamaan 25 Februari 2015 Masihi di Dewan Jawatan Dalam, Pusat Sejarah Brunei.

untuk kita melangkah ke hadapan. Bangsa yang tidak mempunyai catatan sejarah adalah bangsa yang sudah kehilangan harga diri dan arah tujuan dalam mengharungi arus pembangunan dunia masa kini yang penuh dengan persaingan dan cabaran.

Sejarah perlu terus dicatat dan direkod, supaya fakta sejarah yang sahih dan benar itu dapat dimasyarakatkan, disebarluaskan dan diajarkan untuk kesinambungan bangsa dan tamadun Negara Brunei Darussalam, melalui salah satu daripadanya ialah penerbitan buku sejarah seperti usaha Pusat Sejarah Brunei hari ini.

Kita perlu terus mempergiatkan penerokaan, pencarian, penyelidikan dan penulisan sejarah bangsa dan negara kerana sejarah itu sentiasa berkembang dan merupakan sebagai perjalanan atau *journey* bangsa, bersesuaian dengan tema majlis petang ini iaitu

'Buku Sejarah: Menjana Masa Depan'. Oleh itu, Pusat Sejarah Brunei sebagai institusi yang bertanggungjawab menyelidik, mengumpul, menyimpan, mendokumentasi dan menerbitkan persejarahan Brunei, hendaklah terus mempertingkat dan menyebarluaskan persejarahan itu.

Perkara ini tidak hanya terbatas melalui media cetak sahaja, malah perlu mencari medium lain yang lebih *mesra* dengan orang ramai sebagai satu media baru yang bersifat inovatif dan kreatif supaya ia mudah menyerap ke dalam minda setiap lapisan masyarakat di negara ini terutama sekali generasi muda yang akan menjadi peneraju masa hadapan. Kita ingin melihat generasi muda berwawasan di Negara Brunei Darussalam celek sejarah dengan meminati, mencintai dan menghayati sejarah bangsa dan negara.

Saya telah difahamkan sebanyak 14 judul buku akan dilancarkan pada petang ini, iaitu antaranya lapan judul adalah hasil daripada Peraduan Menulis Cerita Bergambar Sejarah Brunei 2014 yang tujuannya bukan sahaja sekadar untuk menggalakkan dan memberikan peluang kepada pencinta/penulis/pelukis untuk menghasilkan sebuah cerita bergambar yang bermutu tetapi juga membuka minda mereka untuk terus mencari, menyelidik dan merujuk fakta sejarah-sejarah Brunei yang telah lalu secara terperinci dan bersistematis yang hasil penulisan tersebut akan diterbitkan untuk dikongsikan bersama dengan pembaca.

Ini satu senario yang baik dalam usaha kita meresapkan sejarah Brunei dengan *membagairagamkan* medium dan pendekatan percetakan. Langkah-langkah seumpama ini perlu diteruskan supaya sejarah Brunei itu mudah difahami, dengan menerokai medium-medium baru yang bersifat media terkini.

Dalam waktu yang sama Pusat Sejarah Brunei juga perlu melihat kembali atau mencari saluran dan gaya persembahan untuk menyampaikan maklumat berkenaan kepada khalayaknya dengan berkesan. Saya percaya ramai yang meminati sejarah Brunei ingin menatap hasil kajian dan penulisan baharu. Hasil kajian itu nanti dapat menambah kefahaman masyarakat tentang sejarah Brunei bagi mengukuhkan lagi semangat kejatidirian dan cintakan negara.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Pusat Sejarah Brunei kerana berjaya menganjurkan Majlis Pelancaran Buku dan Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Cerita Bergambar Sejarah Brunei 2014, dan sekalung tahniah pemenang-pemenangnya yang buku-buku mereka akan dilancarkan sebentar lagi. Mudah-mudahan buku-buku yang dilancarkan pada pagi ini akan terus membuka dan melorongkan hati para pengkaji kita untuk terus memisi sumber-sumber persejarahan negara kita.

## Dari Sidang Pengarang.

2 MAC 2015 BERSAMAAN 1436 جمادى الاول

### MEMBACA JAMBATAN ILMU

**S**EJARAH kegemilangan Islam bermula dengan kalimah unik dan indah, iaitu *Iqra*, bererti bacalah dalam wahyu pertama diterima oleh Nabi Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Berdasarkan kalimah ini telah menunjukkan betapa pentingnya budaya membaca dan menuntut ilmu dalam kalangan umat Islam.

Dalam agama Islam sendiri juga amat mementingkan ilmu pengetahuan yang sememangnya amat bernalil untuk kehidupan manusia. Selain itu, Islam menekankan kewajipan pandai membaca dan menuntut ilmu kepada umatnya, kerana dalam satu hadis diriwayatkan Anas Ibnu Malik, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Menuntut ilmu adalah satu kefarudan (wajib) ke atas setiap Muslim."

Oleh yang demikian, masyarakat di Negara Brunei Darussalam seharusnya menjadikan membaca sebagai satu budaya dan amalan yang berterusan untuk meraih ilmu pengetahuan, tidak mengira golongan tua atau muda, perlulah selalu mendampingkan diri dengan bahan-bahan bacaan.

Dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sedang mengungkapkan Pesta Buku Brunei Ke-16, yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan kesedaran betapa pentingnya budaya membaca bagi pembangunan bangsa dan kemajuan negara.

Pesta Buku Brunei kali ini menampilkan keistimewaannya yang tersendiri apabila ia digabungkan dengan Karnival Memperkasa Budaya Membaca bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan khususnya dalam program pembangunan negara. Di samping itu, untuk mendukung matlamat nasional Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan masyarakat yang berpendidikan dan berilmu melalui galakan dan pemupukan budaya membaca.

Dengan tema *Buku Bacalah!* memberikan satu seruan positif yang mengajak masyarakat mencintai dan menghargai buku dan membacanya untuk memperoleh ilmu yang berguna sebagai pencerahan hidup. Bagi memeriahkan karnival tersebut, Cabaran Ria Bacathon dibuka kepada sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah ugama dan keluarga selama tujuh hari pada sebelah pagi dan petang.

Di samping itu, pada Pesta Buku Brunei ini juga, DBP buat julung-julung kali menganjurkan Pameran Seni Khat Jawi Kebangsaan hasil dari Peraduan Seni Khat Jawi dan Bengkel Seni Khat Jawi Modul Tanzijul Lauhah dan Khat Kontemporari, dan mendemonstrasikan tulisan Jawi kepada pengunjung. Pameran dan demonstrasi adalah bertujuan untuk mengetengahkan kegemilangan tulisan Jawi, di samping memupuk generasi muda dan belia untuk mencintai dan melestarikan tulisan tersebut.

Pesta Buku Brunei kali ini, DBP juga telah menyediakan 91 petak gerai buku bagi peserta dari dalam dan luar negeri serta 10 petak kem kanopi bagi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

Oleh itu, marilah berkunjung memeriahkan Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca yang berlangsung sehingga 7 Mac 2015 ini, untuk sama-sama menjadi masyarakat gernar dan suka membaca. Jika kita bermula sekarang nescaya rakyat di negar ini akan menjadi masyarakat celik ilmu pengetahuan. Aamiin Ya Rabbal'alamin!

- Ketua Penyuntingan (Md).



### SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

#### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Ak. Jefferi Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratin Haji Abas,  
Khartini Hamur,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentty Haji Arifin,  
Mohammad Arif Matali  
Hajah Sujimawati Mejari

#### Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastraa Sarini Haji Julaini

#### Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani,  
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

#### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamut,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahansah Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

#### Juruteknik Foto

Hatrul Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornsayirah Nordin

#### Penyuntingan

Samle Haji Jait,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman

#### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

#### Pereka Letak

Khairul Shahrim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Igrami Haji Suahimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
123

NDMC  
2380214

# Berkenan menganugerahkan lot tanah, anak kunci rumah



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menganugerahkan lot-lot tanah serta anak-anak kunci rumah kepada para penerima di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang bagi Daerah Tutong, berlangsung di Dewan Ma'had Islam Brunei (kiri dan atas).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Khartini Hamir

Foto : Mohd. Azmi, Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohiddin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Sabtu, 28 Februari. - Selaras dengan Wawasan Negara 2035 ke arah memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terjamin, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Pembangunan terus memastikan Rancangan Perumahan Negara (RPN) sentiasa menepati matlamat dan sasarannya dalam agenda penyediaan rumah-rumah kepada rakyat yang berkelayakan yang tidak memiliki tanah.

Justeru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan penganugerahan lot-lot tanah serta anak-anak kunci rumah kepada 594 penerima di bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong pada majlis yang diadakan di Dewan Ma'had Islam Brunei, di sini.

Daripada jumlah tersebut, seramai 12 peserta adalah penerima lot tanah dan 582 penerima anak-anak kunci rumah terdiri daripada dua penerima Rumah Sebuah; 340 penerima Rumah Kembar dan 240

pula penerima Rumah Teres penerima rumah di bawah RPN berkenaan.

Terdahulu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan Ma'had Islam Brunei dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syari'ah Daerah Tutong, Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metusin.

Sementara itu, Pegawai Daerah Tutong dalam sembah alu-aluannya menyembah, penganugerahan

lot-lot tanah serta anak-anak kunci rumah itu jelas menggambarkan sifat pemeliharaan dan keprihatinan Kebawah DYMM terhadap kesejahteraan penerima serta dapat memupuk lagi perpaduan masyarakat di daerah ini.

**Ke muka 4**



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anak kunci rumah kepada para penerima (kiri dan kanan).



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali menyembah ucapan alu-aluan pada majlis berkenaan.



**KEGEMBIRAAN** jelas terpancar dari para penerima anak-anak kunci rumah di bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong (kiri dan kanan).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Telisai, Tutong.



### Dari muka 3

Awang Wardi seterusnya menyembahkan melalui kebijaksanaan Kebawah DYMM, Daerah Tutong juga turut sama menikmati pembangunan berterusan seperti peningkatan prasarana awam di peringkat mukim dan kampung termasuk penyediaan rumah-rumah di bawah Skim RPN yang mempunyai reka bentuk yang kondusif, terkini dan selamat dengan disediakan kemudahan-kemudahan yang bersesuaian seperti Dewan Kemasyarakatan, tempat riadah dan permainan kanak-kanak dan lain-lain.

Bagi memberkati majlis, doa selamat juga dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Tutong.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para penerima sebelum meneruskan lawatan.

Jelas dilihat sejak wujudnya, RPN ianya terus berkembang dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara ini, hingga ke hari ini yang mana lebih daripada 27 ribu buah rumah di bawah RPN dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) telah dibina di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21,988 buah telah dianugerahkan kepada para penerima yang berkelayakan iaitu 710 penerima adalah pemohon yang berjaya mengikuti RPN bagi Daerah Tutong.

Penganugerahan rumah-rumah berkenaan, jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini dan secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita Kebawah DYMM khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsepkan daya tahan dan mapan, selaras dengan salah satu objektif RKN untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat.

Di bawah RKN Ke-10, dalam memastikan kesinambungan kepada pencapaian tersebut Kerajaan Kebawah DYMM melalui Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan secara berterusan berusaha melaksanakan beberapa program perumahan di seluruh negara bagi meningkatkan hasil perumahan yang mana kira-kira 2,000 unit rumah akan dapat disiapkan dalam tempoh dua tahun ini, iaitu sejumlah 758 buah rumah akan dijangka siap pada tahun 2015 dan 1,300 buah rumah pada tahun 2016.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Dewan Ma'had Islam Brunei (kiri), sementara gambar atas, baginda berkenan mengurnikan anak kunci rumah kepada penerima-penerima.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (kanan).



ANTARA penerima lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah di bawah RPN Bukit Beruang bagi Daerah Tutong.

# Keberangkatan lawatan mencerminkan keprihatinan baginda

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Khartini Hamir

Foto : Mohd. Azmi, Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohiddin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Sabtu, 28 Februari. - Institusi pendidikan di negara ini terus mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khaire Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ini jelas terbukti pada setiap Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah dan Anak-Anak Kunci Rumah di Seluruh Negara,

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli berangkat melawat ke sekolah-sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi bagi meninjau perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini.

Pada keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Majlis Penyempurnaan dan Penganugerahan Lot-Lot Tanah serta Anak-Anak Kunci Rumah Rancangan

Perumahan Negara (RPN) Kampung Bukit Beruang bagi Daerah Tutong hari ini, baginda berkenan berangkat ke Mahad Islam Brunei Tutong, Perusahaan Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd., Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang II dan kediaman Ketua Kampung Perpindahan Bukit Beruang.

Terdahulu, sejurus selepas penyempurnaan Majlis Penganggerahan Lot-Lot Tanah serta Anak-Anak Kunci Rumah RPN Kampung Bukit Beruang, baginda dijunjung berangkat melawat ke Mahad Islam Brunei Tutong yang mempunyai 647 penuntut, yang mana pada mulanya merupakan penempatan bagi pelajar lelaki sahaja, namun pada tahun 2015 ini, maktab berkenaan telah menerima kemasukan kali pertama pelajar perempuan Tahun 5 dan Tahun 6.

Misi maktab berkenaan 'Ke Arah Melahirkan Para Cendekiawan Muslim Sejati' sangat bertepatan dengan iltizam dan komitmen para pelajar serta warga sekolah yang menerapkan pendidikan yang mantap dan menyeluruh (duniawi dan ukhrawi) melalui pengajaran dan pembelajaran serta kepimpinan yang berkesan dan sistematik ke arah kehidupan yang seimbang dan berkualiti.

Ma'had Islam Brunei yang dibuka rasmi oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 Julai 1990 sentiasa komited untuk memperluaskan pengetahuan keagamaan dan bahasa Arab dalam kalangan warga sekolah melalui pengalaman komunikasi berkesan dalam kehidupan sehari-hari melalui pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan berkualiti ke arah kemahiran serta penghayatan berugama dan berbahasa Arab.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM meneruskan lawatan ke Perusahaan Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd. yang terletak di Kompleks Industri Serambang dan dijunjung oleh Penolong Pengarah Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd., Wan Krisnizaha Haji Osman.

Semasa lawatan tersebut, Kebawah DYMM berkenan meninjau ke kilang pemprosesan dan pembungkusan produk minuman soya berjenama 'Suku Suku', iaitu produk minuman soya tempatan yang pertama dihasilkan di negara ini.

Kilang Hana Soy & World Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat usaha sama pertama tempatan di negara ini yang menghasilkan platform teknologi inovatif yang dipanggil 'Mothersoya' yang berkhasiat, sihat dan mudah, dengan menggunakan 100 peratus kacang soya semula jadi melalui kaedah pemprosesan teknologi tinggi, dan produk-produk ini diiktiraf dengan GMP, HACCP, TQM dan logo Brunei Halal.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan beramah mesra bersama sebahagian pelajar lelaki Ma'had Islam Brunei, Tutong.



KEBAWAH DYMM berkenan melawat Dewan Makan Ma'had Islam Brunei yang menyediakan juadah bagi semua pelajar di ma'had tersebut.



BAGINDA berkenan melawat pameran Kadet Ma'had Islam Brunei.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khaire Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama sebahagian pelajar perempuan Ma'had Islam Brunei, Tutong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah seorang pegawai daripada Perusahaan Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd. di Daerah Tutong.



BAGINDA berkenan menerima taklimat ringkas mengenai Perusahaan Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd. daripada Penolong Pengarah Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd., Wan Krisnizaha binti Haji Osman.



BAGINDA ketika mengadakan lawatan ke Perusahaan Hana Soy & World (B) Sdn. Bhd. yang terletak di Kompleks Industri Serambang.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit Beruang (SRPKBB) II, Zon Tutong II. Gambar kiri dan kanan, kelihatan baginda gembira semasa menyaksikan pelbagai aktiviti pembelajaran murid-murid sekolah tersebut dan juga berkenan bergambar ramai.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia tertarik dengan peralatan pembelajaran yang digunakan oleh seorang murid SRPKBB II (atas kiri dan bawah kiri), sementara gambar atas kanan, baginda berkenan menandatangani lembaran keberangkatan.



#### Dari muka 5

Pelancaran rasmi kilang dan produk Hana Soy & World yang menggunakan teknologi inovasi 'Mothersoy' itu telah dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar pada 3 Mac 2014.

Selepas itu, baginda seterusnya berkenan berangkat melawat ke Sekolah Rendah Perpindahan Kampung Bukit



**MURID-MURID SRPKBB II** bertuah dan gembira dapat menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Beruang (SRPKBB) II, Zon Tutong II dan keberangkatan tiba baginda telah dijunjung oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Inani binti Haji Ahmad Kampoh.

Sekolah ini mempunyai keluasan 5.486 ekar dan menempatkan seramai 186 penuntut dari Pra sehingga Tahun 6, dengan keramaian seramai 30 tenaga pengajar dan merupakan salah sebuah 'Sekolah Contoh' di negara ini.

Melalui penubuhan 'Sekolah Contoh' ini, SRPKBB II selaras dengan dasar pendidikan seperti yang digariskan di dalam Wawasan 2035 iaitu menyediakan sekolah-sekolah kelas pertama berhasrat untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti tinggi, menggunakan teknologi maklumat dalam pembelajaran dan pengajaran serta menyediakan guru-guru yang berkualiti dan mempunyai kemahiran Abad Ke-21.

Selesai membuat lawatan ke SRPKBB II, baginda seterusnya dijunjung berangkat

melawat ke kediaman Ketua Kampung Bukit Beruang, Awang Ahmad bin Aman yang terletak di Jalan Bincaloi, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai.

Di kediaman ketua kampung tersebut, baginda berkenan menandatangani lembaran kenangan dan seterusnya berkenan mengunjungi ke petak Program Sukarelawan Daerah Tutong dan berkenan berinteraksi bersama para sukarelawan.

Setelah itu, baginda berkenan mengunjungi ke petak Majlis Perundingan Kampung Bukit Beruang Mukim Telisai yang mengetengahkan produk penghasilan mereka yang terdiri daripada produk makanan dan kraf tangan.

Lawatan Kebawah DYMM diakhiri dengan bergambar ramai di kediaman Ketua Kampung Bukit Beruang sebelum meneruskan keberangkatan ke rumah para peserta yang menerima lot-lot tanah dan anak-anak kunci di bawah RPN Kampung Bukit Beruang.



**MURID-MURID SRPKBB II** memperlihatkan kemahiran mengeja Jawi ke hadapan majlis baginda.



**KEBAWAH** DYMM berangkat melawat kediaman Ketua Kampung Bukit Beruang, Awang Ahmad bin Aman yang terletak di Jalan Bincaloi, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai (kiri), sementara gambar tengah dan kanan, baginda berkenan mengunjungi petak Program Sukarelawan Daerah Tutong dan berkenan berinteraksi bersama para sukarelawan.

# Berangkat melawat penerima lot tanah, kunci rumah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Khartini Hamir

Foto : Mohd. Azmi Awang Damit , Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohiddin, Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Sahrizal Haji Said

**TUTONG**, Sabtu, 28 Februari. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam berkenan bercemar duli melawat ke rumah para peserta yang menerima lot tanah dan anak-anak kunci rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, Mukim Telisai bagi Daerah Tutong jelas memperlihatkan kewibawaan baginda sebagai raja yang prihatin, pemedulian, pengasih tentang kehidupan rakyat baginda.

Keprihatinan baginda itu juga memberikan peluang serta kesempatan para peserta dan penduduk kampung di kawasan tersebut bersua muka secara langsung dengan raja yang dikasih dan seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda berangkat bercemar duli ke rumah-rumah mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei



AWANG Alli Noor bin Haji Muhd. Suhaini bersama keluarga gembira menerima kunjungan raja yang dikasih di rumah mereka di Rancangan Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang, Mukim Telisai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli melawat rumah teres Dayang Jaliah binti Serudin.

Darussalam mula-mula berkenan berangkat mengunjungi salah seorang peserta yang menerima Lot Tanah, Awang Alli Noor bin Haji Muhd. Suhaini di Lot 13723, No. 10, Simpang 1185-73-193-57, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai, Daerah Tutong.

Beliau merupakan antara pemohon lot-lot tanah di RPN Daerah Tutong bagi tahun 1993.

Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat mengunjungi empat buah rumah peserta yang menerima anak-anak kunci bagi Rumah Kembar di RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai, daerah ini antaranya milik Awang Morsidi bin Yutong, Awang Haji Alifiah bin Haji Kamis, Dayang Hajah Janah binti Untong dan Awang Zafreh bin Haji Jali yang kesemuanya terletak di Jalan Bukit Bilid, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai.

Kawasan lantai setiap unit rumah berkembar adalah 130 meter persegi dengan saiz plot seluas 400 meter yang dilengkapkan dengan tiga buah bilik tidur, ruang tamu, dapur dan tiga buah bilik mandi.

Kemudiannya, baginda berkenan berangkat mengunjungi ketiga-tiga buah rumah peserta yang menerima Rumah Teres.

Para peserta tersebut terdiri daripada Dayang Jaliah binti Serudin, Awang Sufri bin Salim dan Awang Faizal bin Mohammad Husain yang mana kesemua rumah mereka terletak di Jalan Bukit Dilou, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai.

Setiap unit rumah teres mempunyai kawasan lantai seluas 85.9 meter persegi dengan saiz plot unit sudut adalah 360 meter persegi,

manakala unit pertengahan berukuran 250 meter persegi.

Setiap unit rumah teres ini juga mempunyai tiga buah bilik tidur, ruang tamu, dapur dan dua buah bilik mandi.

Semasa lawatan ke rumah-rumah tersebut, baginda berkenan bercemar duli dan beramah mesra bersama peserta dan berkenan menerima beberapa pesambahan serta menandatangani lembaran keberangkatan.

Para penerima rata-rata melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda atas pengurniaan anak-anak kunci rumah yang menjadi suatu ristaan sejarah yang paling indah dalam hidup mereka.

Dalam pada itu, projek perumahan di kawasan RPN Bukit Beruang sejumlah 1,500 unit rumah telah dibina di atas keluasan 127 hektar dengan anggaran perbelanjaan melebihi BND140 juta.

Daripada jumlah berkenaan 1,000 buah adalah jenis teres dan selebihnya adalah rumah jenis berkembar.

Projek perumahan ini dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan diserahkan ke Kementerian Pembangunan pada bulan Mei 2014 lalu setelah ianya siap dibina pada bulan Mac 2014.

Kawasan perumahan ini merupakan satu konsep pembangunan komprehensif lengkap dengan ruang tanah untuk kemudahan awam pada masa hadapan seperti sekolah, masjid, kemudahan komersial, pusat komuniti, taman dan kawasan rekreasi, taman permainan serta balai bomba.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan bergambar kenangan bersama keluarga Awang Morsidi bin Yutong (kiri) dan berkenan beramah mesra bersama Awang Haji Alifiah bin Haji Kamis (kanan) di Jalan Bukit Bilid, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai.



DAYANG Hajah Janah binti Untong dan suami gembira dapat bertemu Kebawah DYMM, raja yang dikasih rakyat (kiri), sementara gambar kanan, baginda bergambar kenangan bersama Awang Zafreh bin Haji Jali dan keluarga.



KEBAWAH DYMM berkenan melawat rumah Awang Sufri bin Salim (kiri), sementara gambar tengah dan kanan, baginda berkenan berangkat ke kediaman Awang Faizal bin Mohammad Husain yang terletak di Jalan Bukit Dilou, RPN Bukit Beruang.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan melancarkan buku 'Tasek Merimbun - The Black Beauty of Brunei Darussalam'.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berbual mesra bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nurul Qomar dan lain-lain perwakilan asing ke negara ini (atas), sementara gambar bawah, DYTM berbual mesra bersama para penduduk di sekitar Tasek Merimbun.



DYTM berkenan melawat persekitaran Tasek Merimbun yang telah menarik ramai pelancong dalam dan luar negara.

# DPPW lancar buku memaparkan Taman Warisan ASEAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda melahirkan penghargaan ke atas penerbitan buku mengenai 'Tasek Merimbun - The Black Beauty of Brunei Darussalam'.

**TASEK MERIMBUN,** Sabtu, 28 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersabda melahirkan penghargaan ke atas penerbitan buku mengenai 'Tasek Merimbun - The Black Beauty of Brunei Darussalam'.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian semasa berkenan melancarkan buku berkenaan yang memaparkan tentang satu-satunya Taman Warisan ASEAN negara, Tasek Merimbun.

Majlis berlangsung di Balai Purun, Tasek Merimbun di Daerah Tutong.

Buku tersebut adalah hasil nukilan paduka anakanda DYTM, Kurator Muzium dan Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali.

Dalam sembah alu-aluan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekarma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyembah pelancaran buku tersebut adalah bertepatan sempena Ulang Tahun Ke-30 Taman Warisan ASEAN yang diharap dapat mewujudkan kesedaran dan minat dalam kalangan penduduk terutama para belia di negara ini terhadap Tasek Merimbun.

Juga hadir ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Buku yang mengandungi 168 muka surat itu membawa pembacanya menjelajahi apa yang digelar oleh penulisnya sebagai 'The Black Beauty of Brunei Darussalam' dengan memperlihatkan imej-imej kepelbagaiannya ekosistem di Tasek Merimbun.


Menerusi buku tersebut, penulis berharap dapat mengongsikan keindahan semula jadi Tasek Merimbun kepada para pembaca, di samping menarik minat pencipta alam untuk melawat ke Taman Warisan bagi meneroka alam semula jadi yang tersedia ada.

Harga bagi buku tersebut ialah BND55 senaskhah dan untuk mendapatkan buku tersebut orang ramai bolehlah menghubungi Brunei Press Sendirian Berhad melalui talian 8777656 atau 8160055.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



DYTM berkenan menyaksikan buku 'Tasek Merimbun - The Black Beauty of Brunei Darussalam' yang dihasilkan oleh anakanda DYTM, Kurator Muzium dan Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Omar Ali.



DYTM berkenan menandatangani lembaran keberangkatan.



DYTM dan anakanda DYTM, Kurator Muzium dan Pengurus Taman Warisan Tasek Merimbun, YAM Pengiran Muda Omar Ali berangkat menyaksikan dengan lebih dekat lagi tasek tersebut yang telah diisytiharkan sebagai Taman Warisan ASEAN sejak 30 tahun lalu.

# Memartabatkan seni melalui Khat Kufi

**S**ENI kaligrafi Islam atau lebih dikenali sebagai seni khat merupakan khazanah tertua masih dimiliki oleh umat Islam dan berkembang di pelosok dunia selari dengan perkembangan Islam.

Diperkatai penulisan khat pertama di dunia terhasil dari Kufah, Iraq pada Kurun Ketujuh di mana seorang sufi mendapat ilham melalui mimpi menghasilkan tulisan tidak bercantum dikenali sebagai Kufic (kufi).

Menyedari nilai seni kaligrafi Islam perlu diluaskan dan Nz Integrity Enterprise diwujudkan untuk menarik perhatian umat Islam dalam negara mengenai seni khat ini.

Awang Mohd Nazri bin Abas, 28 tahun yang berasal dari Johor merupakan Co Founder Nz Integrity Enterprise berkata, selesa mempelajari khat kufi selama satu tahun di seni Khat Kufi Digital dan melibatkan diri dalam Persatuan Seni Khat Kufi Murabba Malaysia, dia akhirnya mengambil keputusan untuk melibatkan diri dalam perniagaan ini.

Menurut Awang Mohd Nazri, melibatkan diri dalam seni Khat Kufi memang begitu sukar jika dilihat dengan mata kasar apatah lagi untuk membuatnya apatah lagi jika tiada ilmu khat tetapi dengan adanya minat untuk mempelajari ilmu seni Kufi ini ia akan menjadi mudah dalam mengolahnya.

"Untuk melibatkan diri dalam seni Khat Kufi kita mestilah mempunyai minat yang benar-benar meminati seni ini, mahu belajar dan mendalaminya, rajin serta fokus dan mempunyai sifat sabar kerana semua ini amat penting untuk menghasilkan Khat Kufi yang berdisiplin dan boleh dibaca serta tidak terpesong dari sifat-sifat huruf," jelasnya.

Jelas Awang Mohd. Nazri pula, Khat Kufi pertama yang dihasilkan beliau adalah Khat Kufi nama beliau sendiri, dan dengan terhasilnya khat nama beliau itulah juga memberi

semangat beliau untuk menjadikan bidang seni Khat Kufi ini sebagai cabang kerjaya beliau.

Jelasnya lagi, sejak itu dia mula bergiat secara serius dalam seni khat kufi memandangkan ia mempunyai peluang yang besar untuk dikembangkan.

"Minatnya yang mendalam terhadap seni itu juga banyak memberi inspirasi kepada saya untuk serius malah dengan latar belakang seni yang dimiliki, saya mengakui sering terdedah dengan pelbagai bentuk seni berdasarkan pemerhatian, pembacaan dan juga sumber lain dan kerana minat pada keunikannya serta perbezaan kelainan saya turut menggali pengalaman dalam apa-apa

bidang yang berpotensi dan lain daripada yang lain," ungkap beliau.

Jelasnya lagi, kerana minat serta dorongan dari isteri dan kedua ibu bapa yang sentiasa memberikan suntikan semangat membuatkan saya yakin untuk mencebur ke bidang seni Khat Kufi ini juga.

Melibatkan diri dalam bidang yang dianggap susah ini pastinya menyimpan kenangan pahit dan juga manis. Namun Alhamdulillah bagi Nazri sendiri ia menyimpan kenangan manis apabila seni Khat Kufi yang siap dihasilkan telah mendapat kelulusan dan juga turut disahkan oleh Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan juga Pusat Da'wah Islamiah Brunei.

Awang Mohd. Nazri yang sudah berumah tangga turut berbuka, walaupun berkebolehan dalam bidang seni Khat Kufi namun tidak pernah terlintas difikiran untuk menyertai mana-mana pertandingan kerana fokus utamanya ialah untuk lebih fokus pada perniagaan seni Khat Kufi ini dan menyentuh tentang modal awal perniagaan ia tidaklah memerlukan modal yang besar hanya untuk menyediakan peralatan untuk membuat Khat Kufi ini dan apa yang lebih penting untuk melibatkan diri dalam seni Khat Kufi tersebut adalah kemahiran yang besar kerana ianya melibatkan huruf-huruf Jawi, serta ayat-ayat Al-Qur'an.

"Sambutan yang diterima sejauh ini dan sejak ia diperkenalkan di

negara ini amat menggalakkan sekali begitu juga di negara jiran Malaysia, dan untuk membuat satu-satu rekaan Khat Kufi ini saya memberi pilihan untuk pelanggan saya memilih sendiri pa yang dimahuakan dalam Khat Kufi yang ditempah," terang Awang Mohd. Nazri.

Mengakhiri temu ramah bersama Nazri, beliau turut menjelaskan di mana untuk memodenkan lagi seni Khat Kufi Murabba ini Naz turut mlaratkannya kepada hiasan-hiasan dinding rumah masa kini.



JUGA indah untuk hiasan atas meja.



CANTIK sebagai hiasan dinding rumah.

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Menurut Awang Mohd. Nazri yang sudah berumah tangga turut berbuka, walaupun berkebolehan dalam bidang seni Khat Kufi namun tidak pernah terlintas difikiran untuk menyertai mana-mana pertandingan kerana fokus utamanya ialah untuk lebih fokus pada perniagaan seni Khat Kufi ini dan menyentuh tentang modal awal perniagaan ia tidaklah memerlukan modal yang besar hanya untuk menyediakan peralatan untuk membuat Khat Kufi ini dan apa yang lebih penting untuk melibatkan diri dalam seni Khat Kufi tersebut adalah kemahiran yang besar kerana ianya melibatkan huruf-huruf Jawi, serta ayat-ayat Al-Qur'an.

Jelasnya lagi, kerana minat serta dorongan dari isteri dan kedua ibu bapa yang sentiasa memberikan suntikan semangat membuatkan saya yakin untuk mencebur ke bidang seni Khat Kufi ini juga.

"Minatnya yang mendalam terhadap seni itu juga banyak memberi inspirasi kepada saya untuk serius malah dengan latar belakang seni yang dimiliki, saya mengakui sering terdedah dengan pelbagai bentuk seni berdasarkan pemerhatian, pembacaan dan juga sumber lain dan kerana minat pada keunikannya serta perbezaan kelainan saya turut menggali pengalaman dalam apa-apa



PELITA Brunei dalam bentuk seni khat.



SERUAN SUCI

# سُرُّ الدُّنْيَا

## مُقْرَّكَاسِ بُودَائِي مُبَاجِ

اد فون ساله ساتو جارا انتوق منداشقكن علم فقتهوان ايت إيهاله دغун جارا بايق مباج. أوله ايت، واهي قوم مسلمين، جاديكله بوداي مباج ساتو عمالن يع برتروسن. سموا كولوغن تيدق كيرا توا اتو مودا فرلو مبياس肯 ديري بردميقع دغун باهن ۲ بهان. عمالن مباج اين مستيله دفوقوق سداري كجيل لاكي. دالم حال اين، ليوباف اداله برقرارن انتوق ميري肯 جتنوه تربايك كقد آنق ۲ مريث كران ليوباف يع سوك مباج اداله سباكي فندوروغ كقد آنق ۲ مريث انتوق سوك مباج.

والوباكيمان فون فرلو جوك دأمبيل فرهاتين أكير باهن ۲ بجان ايت اداله يع برقالده دان بوله منبه فقتهوان، بوكنن يع بوله مروسكنن ميندا دان مېستكىن. سباكي اومة إسلام كيت هنديله منجادىكىن بوداي مباج سباكي ساتو عمالن مليا يع داشه مېنتوق إنسان برعلم فقتهوان. هان دغун علم فقتهوان يع تيشكى، كيت داشه منجيقتا دان منحاجى كحييان كميلىغ بايك دنلي ماھوقون داعرة.

مسلمين يع درجمتى الله،

يقينه بهوا سوات تمادون اتو بفسا هان داشه ديننا ملالوي مشاركة يع مفعملن بوداي علم. قاعده يع أوتام باكى منرفكىن بوداي علم إيهاله ملالوي طبعة مباج يع برتروسن. اينله أمانه يع دقسىكىن اوله رسول الله صلى الله عليه وسلم كقد كيت سقاىي دعملن سفتح زمان بايت سحق قرييته فرتام بكتندا ترىما دري الله سبحانه وتعالى سقاىي مباج.

مليهت بناش فتىقىن كسدارن مباج ايت فرلو دفوقوق دان دسوپوركىن دالم كالشن مشاركة، خصوصن كانق ۲، رماچ دان بليا مك قلباكى أوسها فيهق أحينسى كراجان تله ماقۇغىكايىكىن إكتىسيتى يع برکيائىن دالم أوسها انتوق منيشكىكىن بوداي مباج.

سسشكوهن أوسها سىدىكىن اداله ساعە بايك، دان سوده سواجرەن كيت مېركۈچ أوسها ترسپوت دان منيشكىكىن لاكي بوداي مباج دري سماس كسماس. فرلو دېيىق، ساتو ۲ن جالان انتوق منداشقكن علم يع برکونا دان مىبىنا إيهاله دغۇن بايق مباج دري سومىر يع بىر دان صحىح. مدهمداهن دغۇن كقواتن علم فقتهوان، كيت داشه منجيقتا كچىرلەن دان مېرتىكىن اومة إسلام كمرجو كحييان.

أخىرن، سام ۲لە كيت بىر دعاء سۈوك الله سبحانه وتعالى منبېھەن علم فقتهوان دان مغۇرنىياكىن كقهامن كقد كيت. مدهمداهن ديري كيت، أكام، بفسا دان نكارا اكىن ماجو جاي دان ستياس دالم فەلىنلۇغۇن الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

{ سورة العنكبوت آية: ۴۳ }

تفسىر:

دان قرأو مقامان ۲ ايت كامي بوات انتوق مائسى، دان تياد اد يع ماهمەن ملاينكىن اورخ ۲ يع برعلم.

واهي قوم مسلمين يع درجمتى الله،  
مارىلە كيت منيشكىكىن كفتون كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغۇن فنۋە  
كېقىن دان كېنخالاصن دغۇن ملاكۆكىن سكىل سوروھەن دان بىرقۇي سىرت سلامە  
لاراغىن، مدهمداهن كيت منجادىي إنسان يع بىرإیمان دان بىرقۇي سىرت سلامە  
دەنلى دان سلامە دآخرە.

مسلمين يع درجمتى الله،  
سسشكوهن سخارە فركمىغان دان ككمىغان تىادون إسلام بىرمولا دغۇن  
جتوسون يع بىكتىو أونىك دان إيندە بايت كليمە إقراء يع بىرأتى باجىلە. كليمە  
اين مروفاكىن جتوسون أول دان وحىو فرتام يع دقىيتەكىن اوله الله سبحانه  
وتعالى. اين منجوقكىن بناش فتىقىن مباج دان منتىوت علم دالم كالشىن اومة  
إسلام، سباكيمان قرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة العلق آية ۱: ۵-۶

تفسىر:

باچىلە واھى ئىي محمد دغۇن مېھۋەت نام توھنۇ يع منجوقتاڭن سكىلەن  
غۇلۇق. دى تله منجوقتاڭن مائسى درىد سکومقل دارە بىكى. باچىلە، دان

توھنۇ مەھا قۇورە. يع ماقاھىر مائسى متولىس دغۇن قىلم (قىنا). دى ماقاھىر  
مائسى اف يع تىدق دكەھۈن.

مسلمين يع درجمتى الله،  
أكام إسلام اداله أكام يع منيشكىن علم فقتهوان كران اي امت بىرنىلى  
انتوق كەھيدۇق مائسى. علم عبارە جەھىا يع مېتارى كىلەن، جىستۇر ايت  
إسلام مواجهكىن اومىتىن منتىوت علم، رسول الله صلى الله عليه وسلم اد بىرسىدا  
دالم سېواھ حديث:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:  
طَلَبَ الْعِلْمُ فَرِيَضَتْ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ { رواه الإمام ابن ماجة }

تفسىر:

درى ئىنس بن مالك اي يرگات: سېدا رسول الله صلى الله عليه وسلم:  
منتىوت علم اداله ساتو كفرھۇوان (واحىب) كائىس سىتىپ مسلم.

درى حديث ترسپوت جلس بەھۇ علم ايت ساعە فتىقى كران دغۇن علم  
سستورخ ايت بولە ماجو، مباغۇن دان بىرجاي بوكن ساج انتوق دىرىن تىانى  
انتوق أكام، مشاركة دان نكاران. اف كونان مىلىكى هرت يع بايق جىك تىاد  
برعلم كران هرت ايت تىدق اكىن بىركىيەن دان بىرمنقىع بەكىن بولە مېرىكىن  
قىمىلىكىن ترىقىو دان ترقىادى. كەھىلە بەھۇ كەلەدۇق اورغۇچىن بىرعلم اداله  
تىشكى دىسىسى الله سبحانه وتعالى سباكيمان قرمان الله سبحانه وتعالى دالم  
سورة الجادلة آية ۱۱:

تفسىر:

الله منيشكىكىن اورخ ۲ يع بىرإیمان ئاتارا كامو دان اورخ ۲ يع ديري علمو  
فقتهوان أكام بىراف درجه. دان الله مەھا تالىقى تەھادىت اف يع كامو كرجاڭن.



# **Pasukan Kebawah DYMM juarai acara khas 15 pekayuh**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai dan menyaksikan perlumbaan Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 di Sungai Brunei (atas dan kir).

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Ahad, 1 Mac. - Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 mengulangi kegembiran dan kemeriahian ibu negara sekali gus menggamit peristiwa silam lumba perahu yang sering diadakan di Sungai Brunei.

Dengan adanya sukan tradisi ini secara langsung mengembalikan



Oleh : Abu Bakar  
Haji Abdul Rahman  
Foto : Mohd. Azmi Awang  
Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor,  
Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah,  
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,  
Hamzah Mohiddin,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

zaman kegemilangan dan nostalgia sejarah Lumba Perahu dan Bot Laju yang diadakan pada tahun 50-an, 60-an dan 70-an.

60-an dan 70-an.  
Berangkat menyertai dan menyaksikan perlumbaan tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Pada RBD 2015 kali ini melibatkan sebanyak 48 buah pasukan termasuk lima buah pasukan luar negeri, iaitu Sarawak menghantar tiga pasukan, sementara Republik Rakyat China dan Kalimantan, Republik Indonesia masing-masing menghantar satu pasukan.

Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia telah berkenaan mengurniakan

penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Kebawah DYMM mula-mula berkenan mengurniakan hadiah bagi acara Lumba Perahu Tradisi 25 Pekayuh Terbuka yang dimenangi oleh Pasukan Gamta Brunei Darussalam, diikuti tempat kedua oleh Pasukan Putera Kuala Lawas (Sarawak), manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Majlis Lumba Perahu Kampung Lurong Dalam.

Kebawah DYMM seterusnya berkenaan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang bagi Acara-acara Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Di Antara Kementerian-Kementerian, Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan Syarikat-Syarikat Swasta, Lumba Perahu Tambang 85 Hp (1 Pusingan), Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Di Antara Kementerian-Kementerian dan Lumba Perahu Tambang 60 Hp (4 Pusingan).

Ke muka 12 dan 13

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berangkat bersama putera dan puteri baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah di RBD 2015 (kanan).



**KEBAWAH** DYMM berkenan mengurnia-kan piala kepada juara acara Lumba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan) Terbuka yang dimenangi oleh Katamaran 59 (kiri sekali), sementara gambar kiri, baginda berkenan menyertai Lumba Perahu Acara Khas (Perahu Fiberglass 15 Pekayuh) dan seterusnya mengetuai Pasukan Ahli Jawatan-kuasa RBD 'A'. Pada perlumbaan tersebut pasukan baginda telah berjaya memenangi kategori berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama seorang warga emas yang turut menyaksikan RBD 2015 di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (BSB).



#### Dari muka 1

Terdahulu keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama seorang warga emas yang turut menyaksikan RBD 2015 di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (BSB).

Haji Bakar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerja Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdulla, selaku Penasihat-Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015.

Sejurus keberangkatan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung berangkat ke Jeti Dermaga Diraja bagi menyertai Lomba Perahu Acara Khas (Perahu Fiberglass 15 Pekayuh) dan seterusnya mengetui Pasukan Ahli Jawatankuasa RBD 'A'.

Pada perlumbaan tersebut pasukan Kebawah DYMM telah berjaya memenangi kategori berkenaan dengan menaiki perahu yang diberi nama Rajawali.

Tempat kedua dimenangi oleh Pasukan Ahli Jawatankuasa RBD 'B' yang diketuai oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Pasukan Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri berada tempat ketiga.

Manakala tempat keempat dimenangi oleh Pasukan Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, sementara Pasukan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung yang diketuai oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah berada tempat kelima.

Setelah menamatkan perlumbaan, baginda kemudiannya dijunjung berangkat menyaksikan

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Gabungan MS PDB dan Pengawas Kejiranah Sungai Bunga.

Seluruh kerabat diraja yang turut menyaksikan perlumbaan.


Adalah diharapkan dengan adanya kejohanan scumpana ini akan dapat memeriahkan lagi suasana Bandar Seri Begawan dan menarik lebih ramai lagi kedatangan pelancong luar negeri serta akan dapat mengenalkan Negara Brunei Darussalam di mata dunia.

Bagi acara kemuncak, iaitu Lomba Perahu 30 Pekayuh Marathon dimenangi oleh Christopher Keasberry, manakala Muhammad Arif bin Ahmad Tarmizi berada di tempat kedua dan Haji Izdam Norhaidi bin Haji Mashud di tempat ketiga yang mana ketiga-tiga mereka mewakili Pasukan JetStar Racing.

Dalam acara Lomba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan) Terbuka dimenangi oleh Katamaran 59 yang sekali gus menerima Piala Pusingan Kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berada di tempat kedua jatuh kepada Pasukan Gamta Brunei yang turut menyaksikan perlumbaan.

AKSI-AKSI menarik semasa Lomba Jet Ski 4 Roundabout Terbuka (12 Pusingan) berlangsung pada sebelah petang RBD 2015 (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan menandatangi lukisan potret baginda ketika berangkat ke Pameran RBD 2015 di Galeri Seni Dermaga Diraja BSB (kiri), sementara gambar kanan, antara aksi baginda berkenan menyertai Lomba Perahu Acara Khas (Perahu Fiberglass 15 Pekayuh).



## Pasukan Kebawah DYMM juarai acara khas 15 pekayuh

#### Dari muka 11

Memenangi tempat pertama bagi Lomba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh Jemputan jatuh kepada Pasukan Brunei Darussalam 'A', Gamta disusuli tempat kedua oleh Pasukan Indonesia dan Pasukan Brunei Darussalam 'C' di tempat ketiga.

Dalam acara Lomba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan) Terbuka dimenangi oleh Katamaran 59 yang sekali gus menerima Piala Pusingan Kurnia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berada di tempat kedua jatuh kepada Pasukan Gamta Brunei yang turut menyaksikan perlumbaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama kerabat diraja yang lain ketika berkenan menyaksikan antara gambar-gambar yang dipamerkan di Galeri Seni Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan semasa RBD 2015.

# RBD 2015 meriah



GAMBAR KENANGAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja yang lain bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa RBD 2015 ketika berkenan berangkat ke Pameran RBD 2015.

Pameran RBD 2015 bertempat di Galeri Seni Dermaga Diraja.

Pameran RBD 2015 ini memaparkan sebanyak 80 gambar-gambar regata dari tahun 2012 hingga 2014 dianjurkan oleh Jabatan Muzium-Muzium Brunei dengan kerjasama Pertubuhan Fotografi Negara Brunei Darussalam dan Brunei Art Forum.

Setelah menyaksikan pameran, baginda dijunjung berangkat ke pentas diraja bagi menyaksikan beberapa acara perlumbaan yang lain seperti Lomba Perahu Fiberglass - 20 Pekayuh Jemputan; Lomba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan) (Terbuka) dan Lomba Jet Ski 4 Roundabout (Open) (12 Pusingan).

Baginda kemudiannya dijunjung berangkat menaiki Perahu Khas untuk melepaskan perlumbaan bagi Acara Lomba Perahu Tradisi 30 Pekayuh (Marathon) di Kuala Sungai Lumapas.

Baginda kemudian dijunjung berangkat semula ke pentas diraja bagi acara pengurnian hadiah-hadiah kepada para pemain perlumbaan bagi acara-acara pada sebelah petang.

Seluruh berangkat meninggalkan majlis, baginda berkenan menerima junjung ziarah.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengetui Pasukan Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah berkenan mengetui Pasukan Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung.



# YTM berkenan berangkat rasmikan RBD 2015



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan melepaskan Acara Lumba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan) di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan (atas), sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan acara-acara perlumbaan yang berlangsung.



Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar  
Foto : Mohd. Azmi Awang Damit, Masri Osman,  
Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas



**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Ahad, 1 Mac. - Kemeriahian Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 bermula dengan pelepasan Acara Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisi di antara Kementerian-Kementerian di Perairan Kampung Tamoi Ujong (1,000 Meter). Detik berkenaan telah mencipta sejarah dan menjadi kenangan manis yang dikongsi bersama dalam kalangan rakyat dan penduduk yang sama-

sama datang dan memberi sokongan pada RBD 2015 kali ini.

Berangkat bagi menyempurnakan Pelepasan Acara Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisi Di Antara Kementerian-Kementerian di Perairan Kampung Tamoi Ujong (1,000 Meter) ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. Berangkat sama ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman serta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah, selaku Penasihat-Penasihat Bersama RBD 2015.

Juga menjunjung keberangkatan Yang Teramat Mulia ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, selaku Pengerusi-Pengerusi Bersama serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015 yang lain.

## Ke muka 15

PASUKAN yang mengambil bahagian dalam Lumba Bot Laju bersedia di garisan permulaan (kiri), sementara gambar kanan, antara aksi menarik semasa acara lumba bot laju berlangsung (kanan). Sementara gambar atas kiri, kemeriahuan suasana semasa perlumbaan berlangsung.



YTM berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada wakil-wakil pasukan yang berjaya dalam acara perlumbaan yang dipertandingkan (atas dan bawah).





**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan mengurniakan hadiah kepada pemenang bagi acara perlumbaan yang berlangsung pada sebelah pagi.**

#### Dari muka 14

Sejurus persembahan serunai dan tambur yang dipersembahkan oleh Jabatan Penjara melintas lalu beredor dari hadapan pentas diraja, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin kemudiannya menjunjung YTM menuju Jeti Dermaga Diraja bagi menaiki perahu khas untuk Pelepasan Acara Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisi di antara Kementerian-Kementerian sebagai tanda bahawa RBD 2015 telah membuka tirainya.

Sebanyak 10 Acara Lumba Perahu, Bot Laju dan Jet Ski yang disusun oleh Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015 telah diadakan bagi mengisi sesi pagi. Yang Teramat Mulia berkenaan menyaksikan tujuh Acara Lumba Perahu, Bot Laju dan Jet Ski sebelum YTM sekali lagi dijunjung ke pentas khas oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi melepaskan Acara Lumba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan) dan diikuti oleh tiga acara perlumbaan yang lainnya.

Majlis penyampaian hadiah-hadiah kepada pemenang perlumbaan telah diadakan sejurus sahaja Lumba Perahu Fiberglass 20 Jemputan Swasta berakhiri. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenan menjunjung YTM bagi mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Majlis bagi mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang dimulakan dengan pengurnian hadiah kepada pemenang Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisi di antara Kementerian-Kementerian (1,000 Meter), Lumba Bot Laju 30 Hp (4 Pusingan), Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Remaja (U22), Lumba Perahu Tambang 85

Hp (5 Pusingan), Lumba Perahu Tradisi 15 Pekayuh Terbuka, Lumba Bot Laju 50 Hp Ke Bawah (5 Pusingan), Lumba Jet Ski 4 Stroke (Normally Aspirated) (8 Pusingan), Lumba Bot Laju 60 SST (6 Pusingan), Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan dan Lumba Perahu Fiberglass 20 Jemputan Swasta.

Sebelum meninggalkan majlis, YTM berkenaan menerima junjung ziarah daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015.

RBD 2015 diharap dapat mengembalikan zaman

kegemilangan dan nostalgia sejarah lumba perahu dan bot laju yang pernah diadakan sekitar tahun 50-an hingga 70-an. Keceriaan dan kemeraian Sungai Brunei yang terletak di ibu negara, Bandar Seri Begawan (BSB) pada ketika itu juga mampu menjana aktiviti perekonomian.

Acara ini juga dihasrat untuk mendukung ke arah memajukan industri pelancongan negara yang berkONSEP 'Kenali Negara Kitani' (KNK), iaitu menjadikan BSB sebagai pusat tarikan pelancong, di samping meningkatkan pendapatan kepada penduduk setempat menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan semasa acara berlangsung.



**ANTARA aksi semasa acara perlumbaan berlangsung (atas dan bawah), sementara gambar kanan dan bawah kanan, antara Menteri-Menteri Kabinet dan orang ramai yang hadir menyaksikan RBD 2015 pada sebelah pagi.**

**YANG Teramat Mulia berkenan melepaskan perlumbaan bagi Acara Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisi Di Antara Kementerian-Kementerian (atas), sementara gambar bawah, YTM berkenan menerima pesambahan daripada Jawatankuasa Tertinggi Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 yang disembahkan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin yang juga selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015.**



## RBD berpotensi tembusi ke peringkat sukan antarabangsa



Oleh : Samle Haji Jait  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda dan adinda baginda yang bercemar duli menyertai perlumbaan.

Keberangkatan itu tidak syak lagi membuktikan keprihatinan baginda dalam memeriahkan lagi pesta air terbesar negara dan mengembalikan lagi keceriaan nostalgia kegemilangan pesta Lumba Perahu yang juga menjadi sukan kegemaran Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Sukan RBD boleh dikembangkan lagi kepada satu persaingan *circuit* Borneo menerusi kerjasama dengan negara-negara jiran dalam Kepulauan Borneo untuk sama-sama mengangkat lagi populariti sukan

tradisi di air itu sekali gus akan memberi impak positif kepada sektor pelancongan, perekonomian sekali gus mengerakkan hubungan.

"Kita gembira atas kejayaan menganjurkan RBD buat kali ke-4 dan dijadikan salah satu sukan tradisi air di Brunei yang terbesar serta sangat dinantikan oleh segenap lapisan rakyat," jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman juga selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015 ketika ditemu bual PELITA BRUNEI.

Pesta air itu juga mendapat tarikan penyertaan daripada peserta luar terutama kawasan jiran termasuk kawasan Baram, Kuching, Limbang dan Sabah.

Penyertaan pasukan jemputan dari luar negara yang mewakili pasukan-pasukan di Kepulauan Borneo, di samping penyertaan dari Nanjing, Republik Rakyat China telah menwarnai kegemilangan RBD sekali gus meningkatkan

lagi keakraban hubungan mesra di antara Bandar Seri Begawan dengan Bandaraya Nanjing, sebagai bandaraya bersaudara (Sister Cities).

Yang Berhormat juga melahirkan rasa gembira atas meningkatnya penyertaan luar sekali gus menunjukkan pesta air terbesar yang diadakan ini telah mendapat perhatian dan sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat luar Lawas di mana penyertaan itu boleh saja menjadi landasan untuk ditingkatkan kepada satu kejohanan bertaraf sukan antarabangsa.

Menurutnya, sebelum ini RBD telah disertai oleh peserta dari teluk Brunei sahaja seperti dari Punang dan Lawas, tetapi kini telah disertai oleh pasukan Kalimantan Barat, Nanjing dan Sabah.

"Penyertaan yang menggalakkan ini menjadi satu pertanda yang sangat baik untuk kita sama-sama berkerjasama dalam mengembangkan lagi tahap kejohanan ini lagi di masa-masa akan datang," jelasnya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga melahirkan pandangan agar

Pendidikan mengambil langkah positif untuk menganjurkan kejohanan regata sebagai sukan Regata Di Antara Sekolah-Sekolah.

"Dalam usaha untuk mengembangkan lagi reputasi RBD ini, ia memerlukan keterlibatan peserta-peserta belia yang sudah tentu datangnya dari penuntut sekolah. Jika adanya kejohanan yang dianjurkan bagi sekolah-sekolah, ia sudah tentu akan membantu lagi usaha untuk memajukan sukan tradisi ini yang disertai oleh golongan belia," jelas Yang Berhormat.

RBD ini juga membuka peluang masyarakat peniaga kecil dan sederhana tempatan untuk meningkatkan perekonomian masing-masing menerusi ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang disertai oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Kebangsaan anjuran Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Bazaar Hujung Minggu yang diadakan sempena pesta itu dilangsungkan di Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan.

**MENTERI** Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Kemerahan Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 telah diceriakan lagi dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang

## RBD 2015 sukan warisan kita



Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 yang dianjurkan kali ke-4 sejak tahun 2012 telah diadakan di Dermaga Diraja dengan kerjasama tiga agensi kerajaan, iaitu Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

RBD 2015 kali ini mempertandingkan 24 acara yang dibahagikan kepada sesi pagi dan petang. Sebanyak 19 acara dipertandingkan pada sebelah pagi, manakala lima acara lagi dipertandingkan pada sebelah petang. Sebanyak 213 penyertaan daripada peserta luar negeri dan seramai 1,199 peserta tempatan ikut serta dalam Acara Lumba Perahu Tradisi, Lumba Bot Laju, Lumba Perahu Tambang dan Jet Ski pada RBD 2015 kali ini. Tiga penyertaan dari luar negara adalah daripada Nanjing, Republik Rakyat China, Malaysia (Negeri Sabah dan Sarawak) serta Republik Indonesia.

Kemerahan RBD 2015 bermula sebaik sahaja Acara Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisional di antara Kementerian-Kementerian (1,000 Meter) dilepaskan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Perairan Kampung Tamoi Ujong.

Acara Lumba Perahu 25 Pekayuh Perahu Tradisi di antara Kementerian-Kementerian (1,000 Meter) dimenangi oleh Jabatan Perdana Menteri yang membawa pulang wang tunai BND1,000, diikuti oleh Kementerian Pertahanan di tempat kedua dengan wang tunai BND700 dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di tempat Ketiga bersama wang tunai BND600. Tempat keempat, kelima dan keenam masing-masing disandang oleh Kementerian Pembangunan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan yang mana masing-masing berjaya membawa pulang wang tunai BND200. Setiap pemenang bagi acara ini juga membawa pulang medal dan hadiah irigan.

Acara Lumba Bot Laju 30 Hp (4 Pusingan) menyaksikan penyertaan dari negara jiran, Sarawak. Dalam acara ini, johan disandang oleh Bintulu Wira 21, diikuti oleh JSM Mulin 56 sebagai naib juara dan tempat ketiga diraih oleh Burak JSM 212. Johan acara ini berjaya membawa pulang wang tunai BND600; naib juara BND500 dan tempat ketiga BND400, di samping medal dan hadiah irigan bagi setiap pemenang.

Acara perlumbaan diteruskan dengan Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Remaja (U22) yang mana Pasukan Saba Lela Menchanai menujuai perlumbaan berkenaan, diikuti oleh Pasukan Daerah Temburong sebagai naib juara dan Pasukan Majlis Lumba Kampung Lurong Dalam di tempat ketiga serta Pasukan S.T. Villa, Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait dan Pasukan Gabungan Persatuan Belia Berwawasan Kampung Sungai Bunga masing-masing tempat keempat dan kelima. Di samping itu, pemenang juga membawa pulang wang tunai

BND600 bagi juara; BND400 bagi naib juara, BND300 bagi tempat ketiga dan BND200 masing-masing bagi pemenang tempat keempat dan kelima.

Perlumbaan Perahu Tambang 85 Hp yang dilangsungkan sebanyak lima pusingan telah berlangsung dalam sama-sama memeriahkan RBD 2015 tersebut. Dalam perlumbaan berkenaan, Burak 212/Ferrari telah menjadi johan, manakala Gemilang muncul naib johan, diikuti oleh Puncak Mahligai tempat ketiga. Burak 212/Ferrari berjaya merangkul BND700, BND500, BND400 berserta medal dan hadiah irigan. Gemilang sebagai naib johan memenangi BND500 dan Puncak Mahligai dengan BND300 di tempat ketiga. Naib johan dan pemenang tempat ketiga juga membawa pulang medal dan hadiah irigan.

Pasukan Gamta Brunei Darussalam meraih kemenangan sebagai juara bagi Acara Lumba Perahu Tradisi 15 Pekayuh Terbuka. Juara membawa pulang wang tunai BND600, medal dan hadiah irigan. Sementara naib juara diraih oleh Pasukan Waktu, Kampung Tamoi Ujung, diikuti Pasukan Putera Kuala Lawas (Sarawak) tempat ketiga yang mana masing-masing memenangi BND400 dan BND300, medal berserta hadiah irigan. BND200, medal dan hadiah irigan masing-masing diraih oleh Pasukan S.T. Villa, Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait dan Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) sebagai pemenang tempat keempat dan kelima bagi acara berkenaan.

Lumba Bot Laju 50 Hp Ke Bawah (5 Pusingan) diteruskan pada acara pagi RBD 2015. Tempat pertama akan membawa pulang BND700, tempat kedua dengan BND500 dan tempat ketiga dengan BND400. Di samping itu, pemenang juga membawa pulang medal berserta hadiah irigan. Dalam perlumbaan berkenaan, Black Mamba Classic 888 telah mendapat tempat pertama, diikuti oleh Black Mamba Classic 80

tempat kedua dan tempat ketiga Bintulu Wira 21.

Awang Haji Idrizam Norhaidi bin Haji Mashud dari Pasukan JetStar Racing muncul juara bagi Acara Lumba Jet Ski 4 Stroke (Normally Aspirated) yang diadakan dalam lapan pusingan, sementara Awang Abd. Aziz Hanafi bin Ismail dari Pasukan Seri Laila muncul sebagai naib juara dan tempat ketiga ialah Awang Muhammad Arif bin Ahmad Tarmizi juga dari Pasukan JetStar Trading. Masing-masing pemenang merangkul wang tunai BND600, BND500, BND400 berserta medal dan hadiah irigan.

Catamaran Racing Team 59 pula muncul johan bagi Acara Lumba Bot Laju 60 SST yang diadakan dalam enam pusingan. Johan meraih wang tunai BND2,000, medal dan hadiah irigan, manakala Miratrisya 23 muncul naib johan yang mana berjaya meraih wang tunai BND1,500, medal dan hadiah irigan. Tempat ketiga diraih oleh Bunut Racing Team 1141 membawa pulang wang tunai BND1,000, medal berserta hadiah irigan.

Pasukan Brunei Darussalam 'A' muncul juara bagi Acara Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan, diikuti oleh Pasukan Kalimantan, Republik Indonesia sebagai naib juara dan tempat ketiga Pasukan Nanjiang, Republik Rakyat China. Tempat keempat dan kelima masing-masing diraih oleh Pasukan Brunei Darussalam 'B' dan Pasukan Malaysia 'A', Lawas. Juara memenangi wang tunai BND1,500; naib juara BND700, tempat ketiga BND600 dan tempat keempat serta kelima BND200. Setiap pemenang juga mendapat medal dan hadiah irigan.

Lima buah pasukan bagi Acara Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh Jemputan Syarikat-Syarikat Swasta pula akan membawa wang tunai BND900 bagi johan, BND700 bagi naib johan, tempat ketiga BND600 dan tempat keempat hingga keenam BND200. Masing-masing pemenang juga membawa pulang

medal dan hadiah irigan. Johan bagi acara ini disandang oleh Pasukan BIBD 'A'; naib johan Pasukan DST Regata Team; tempat ketiga Pasukan Hengyi, diikuti oleh Pasukan TAIB tempat keempat dan Pasukan Royal Brunei Regata tempat kelima serta Pasukan Total tempat keenam.

Hadiah-hadiyah bagi 10 acara berkenaan telah dikurniakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah kepada pemenang-pemenang bagi acara masing-masing.

Sebanyak 10 Acara Lumba Perahu, Bot Laju dan Jet Ski yang disusun oleh Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015 telah diadakan bagi mengisi sesi pagi RBD 2015, manakala sembilan lagi acara disusun bagi acara RBD 2015 pada sebelah tengah hari. Sesi petang pula telah diisi dengan lima lagi acara bagi memeriahkan dan menarik penonton-penonton yang datang dari dalam dan luar negara dalam usaha mengembalikan keceriaan dan memeriahkan lagi kawasan Bandar Seri Begawan, selain sebagai pusat bandar seperti yang diharapkan pihak pengurusan.

Keceriaan bukan sahaja terpancar pada muka-muka pemenang dan ahli keluarga mereka bahkan juga turut dirasai oleh setiap lapisan masyarakat yang datang ke RBD 2015 berkenaan. Panas terik tidak menghalang orang ramai dalam sama-sama datang dan seterusnya memberi sokongan kepada pelumba-pelumba serta pekayuh-pekayuh yang mengambil bahagian. Ia sebagai penyuntik semangat kepada mereka yang bertanding dalam RBD 2015 tersebut.

Apa yang nyata RBD 2015 bukan sahaja mengembalikan nostalgia sukan warisan kita, tetapi juga mengerakkan tali kekeluargaan dan mengakrabkan persahabatan yang sedia ada dan akan terjalin dalam pertemuan dan acara RBD 2015 ini.

# Kehangatan RBD 2015 berterusan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Kesemarakan Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 diteruskan lagi pada sesi tengah hari yang mana sembilan acara disusun oleh pihak Jawatankuasa RBD 2015. Sembilan acara berkenaan meliputi Lumba Bot Laju 18 Hp (3 Pusingan), Lumba Perahu Tradisi 25 Pekayuh Terbuka, Lumba Bot Laju 50 Hp (5 Pusingan), Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian, Lumba Bot Laju 18 Hp (5 Pusingan), Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan Syarikat-Syarikat Swasta, Lumba Perahu Tambang 85 Hp (1 Pusingan), Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian dan Lumba Perahu Tambang 60 Hp (4 Pusingan).

Pemenang bagi setiap acara akan membawa pulang wang tunai, medal dan hadiah iringan. Acara Lumba Bot Laju 18 Hp (3 Pusingan) membawa pulang BND400 bagi johan, BND350 bagi naib johan dan BND300 tempat ketiga. JSM 07 muncul sebagai johan dan Asiam Racing muncul naib johan, manakala tempat ketiga dirangkul oleh Black Mamba 18.

Pasukan Gamta Brunei Darussalam muncul juara, naib juara Pasukan Putera Lawas (Sarawak), tempat ketiga pula Pasukan Majlis Lumba Perahu Kampung Lurong Dalam, keempat hingga keenam masing-masing jatuh



Oleh : Dk. Nasibahanim  
Pg. Haji Bakar  
Foto : Mohd. Azmi Awang  
Damit, Masri Osman,  
Mohd. Sahrizal Haji Said,  
Muhammad Asri  
Haji Awang Abas

kepada Pasukan Waktu, Kampung Tamoi Ujong, Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) dan Pasukan G.P. Punang Bersatu (Sarawak) bagi Acara Lumba Perahu Tradisi 25 Pekayuh Terbuka. Juara membawa pulang BND900, naib juara BND700, tempat ketiga BND600, manakala tempat keempat hingga keenam masing-masing mendapat BND200. Para pemenang juga mendapat medal serta hadiah iringan.

Lumba Bot Laju 50 Hp (5 Pusingan) dimenangi oleh Laser Line 01, naib johan Bunut Racing Team 1411 dan tempat ketiga Black Mamba Classic 888. Masing-masing memenangi medal dan hadiah iringan di samping wang tunai. Johan merangkul BND700, naib johan BND500 dan tempat ketiga BND400.

Acara RBD 2015 diteruskan lagi dengan Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian. Acara ini dimenangi oleh Kementerian Pembangunan, diikuti Jabatan Perdana Menteri tempat kedua; Kementerian Pertahanan tempat ketiga; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Kesihatan masing-masing tempat keempat, kelima dan keenam. Juara membawa pulang BND800; naib juara BND500; tempat ketiga BND400 dan tempat keempat hingga keenam masing-masing BND200. Selain itu, medal dan hadiah iringan juga dibawa pulang oleh setiap pemenang bagi acara ini.

Lumba Bot Laju 18 Hp (5 Pusingan) menyaksikan juara dirangkul oleh Black Mamba Classic 18, diikuti oleh JSM 07 sebagai naib juara dan Thunder tempat ketiga. Selain wang tunai BND400 bagi juara, BND350 naib juara dan ketiga

BND300 diraih oleh pemenang acara tersebut, mereka juga meraih medal dan hadiah iringan sebagai tanda kenangan atas kemenangan mereka.

Acara RBD 2015 diserikan lagi dengan Majlis Penyampaian Hadiah-Hadiah oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kepada pemenang-pemenang bagi Acara-acara Lumba Bot Laju 18 Hp (3 Pusingan), Lumba Bot Laju 50 Hp (5 Pusingan) dan Lumba Bot Laju 18 Hp (5 Pusingan) yang dipertandingkan.

Kehangatan RBD 2015 diteruskan dengan Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan Syarikat-Syarikat Swasta, Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian dan Lumba Perahu Tambang 60 Hp (4 Pusingan).

Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan Syarikat-Syarikat Swasta memberikan hadiah wang tunai BND600 kepada johan, naib johan BND400 dan tempat ketiga BND300, manakala tempat keempat dan kelima masing-masing dengan BND200.

Pemenang juga akan mendapat medal di samping hadiah iringan. Bagi acara ini, johan disandang oleh Pasukan Royal Brunei Regata; naib johan Pasukan BIBD 'A', Pasukan DST Regata Team tempat ketiga, manakala tempat keempat Pasukan BIBD 'B', kelima Pasukan Hengyi dan keenam Pasukan TAIB.

Boneka telah menjuarai Lumba Perahu Tambang 85 Hp (1 Pusingan); naib juara disandang oleh Mercury, manakala Sonic tempat ketiga. Di samping meraih wang tunai BND400 bagi juara, BND350 naib juara dan ketiga BND300, pemenang juga meraih medal dan hadiah iringan daripada pihak pengangur.

Di samping medal dan hadiah iringan pemenang bagi Acara-acara

Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian dan Lumba Perahu Tambang 60 Hp (4 Pusingan), pemenang juga akan menerima wang tunai. Bagi Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian, pemenang akan membawa pulang BND1,000; naib johan BND800; tempat ketiga BND700 dan tempat keempat hingga keenam masing-masing dengan BND200. Manakala bagi Lumba Perahu Tambang 60 Hp (4 Pusingan) juara akan merangkul BND500; naib juara BND400 dan tempat ketiga BND300.

Pemenang-pemenang bagi Acara Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh di antara Kementerian-Kementerian adalah Kementerian Pembangunan (johan); naib johan jatuh kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; ketiga, Kementerian Pertahanan; keempat hingga keenam masing-masing milik Kementerian Kesihatan, Kementerian Perhubungan dan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Sementara pemenang-pemenang bagi Acara Lumba Perahu Tambang 60 Hp (4 Pusingan) adalah Boneka (juara), naib juara dirangkul oleh Cahaya Sumur dan tempat ketiga kepada Ferrari.

Kegembiraan yang dikongsi dalam kalangan seramai 1,412 peserta perlumbaan yang mengambil bahagian serta keluarga mereka bukan sahaja terbatas dalam kalangan mereka, tetapi juga dikongsi bersama dalam kalangan golongan kanak-kanak, dewasa, belia, warga emas serta warga asing yang hadir ke Dermaga Diraja hari ini. RBD 2015 akan kekal menjadi kenangan manis bagi para pemenang dan juga kenangan terindah bagi pertemuan sesama rakan seperlumba yang datang jauh dari negara jiran dalam sama-sama memeriahkan menyamarkan kegemilangan RBD 2015 yang telah diadakan untuk tahun yang Ke-4.



**SUASANA** Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 mengembalikan zaman kegemilangan dan nostalgia sejarah lumba perahu dan bot laju yang pernah diadakan sekitar tahun 50-an hingga 70-an di perairan Sungai Brunei yang terletak di ibu negara, Bandar Seri Begawan.

## Sukan Lumba Perahu perlu dikembangkan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Kejohanan lumba perahu yang dikenali sebelum ini bukan sahaja dapat dilihat dari segi penyertaan dari dalam dan luar negara malah ia memberi keseronokan segenap lapisan masyarakat di negara ini termasuk para pelancong asing yang berkesempatan melihat keindahan dan kemeriahan sukan yang berprestij di rantau ini.

Semasa pendekatan PELITA BRUNEI menemu bual Awang Haji Japar bin Haji Daim, 64, berkata, kejohanan lumba perahu merupakan satu sukan tradisi yang seharusnya dikembangkan lagi oleh bakal pewaris pada masa akan datang.

Berasal dari Kampung Pengiran Tajuddin Hitam, beliau seterusnya

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohiddin,  
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

menambah sukan tersebut antara sukan yang sering mendapat perhatian dan sangat digemari oleh setiap lapisan masyarakat di negara ini bahkan juga di luar negara.

Menyentuh regata pada tahun ini, beliau berpendapat ia sangat memuaskan dan menunjukkan peningkatan para peserta pekayuh yang menyertai pelbagai kategori dibandingkan sukan lumba kayuh pada zaman beliau sendiri.

Sementara itu, Dayang Hajah Nurzanah binti Hamdi pula

melahirkan rasa gembira dan teruja kerana inilah kali pertama beliau berpeluang menyaksikan Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 di Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Beliau yang ditemani suami dan anaknya sejak pukul 9.00 pagi berharap sukan lumba kayuh itu dapat diteruskan pada masa akan datang dengan penuh semangat dan gigih serta mampu meningkatkan lagi mutu prestasi para pelumba kayuh negara.

Perasaan yang sama turut diakui oleh Isolde Steyn yang berasal dari Afrika Selatan. Menurutnya Brunei mempunyai satu budaya dan adat resam yang sangat unik yang jarang dilihat negara-negara lain.

Beliau yang turut menyokong

regata bersama ahli keluarganya merasa sukan lumba kayuh itu akan dapat mengetengahkan lagi bakat belia-belia muda, remaja dan dewasa untuk terus memajukan sukan di negara tersebut.

Christopher Hadley, 43, yang meminati sukan lumba kayuh itu menyatakan, regata tersebut sering dinanti-nantikan pada setiap tahun di negara ini.

Jelasnya, sukan itu sangat mencabar dan menguji ketahanan mental dan fizikal para pekayuh.

Manakala Pengurus Pasukan dari Kalimantan Barat, Republik Indonesia, Sulisyanto menyatakan persiapan untuk menyertai kejohanan lumba kayuh itu hanya dibuat selama tiga hari.

Seramai 25 peserta pekayuh berumur di antara 18 hingga 23, jelasnya, dipilih untuk menyertai kejohanan itu yang buat julung-julung kalinya disertai oleh pasukan berkenaan di negara ini.

"Alhamdulillah, kedua-dua kategori Lumba Perahu Fiberglass 15 Pekayuh Jemputan dan Lumba Perahu Fiberglass 20 Pekayuh Jemputan mendapat tempat kedua pada kejohanan tersebut," ujarnya.


Dengan adanya kejohanan itu akan dapat mengukuhkan lagi ikatan di antara Brunei Darussalam dan Indonesia yang sekali gus akan memberikan ruang bagi Brunei Darussalam untuk memiliki perkembangan yang begitu pesat dan membangun di rantau ASEAN.



**PENGURUSI** Pasukan dari Kalimantan Barat, Republik Indonesia, Sulisyanto menjelaskan, regata mengukuhkan lagi ikatan Brunei - Indonesia.



**ISOLDE** Steyn, berasal dari Afrika Selatan kagum dengan budaya yang unik di negara ini.



**CHRISTOPHER** Hadley, 43, meminati sukan lumba kayuh dan regata sering dinanti-nantikannya pada setiap tahun di negara ini.



**DAYANG** Hajah Nurzanah binti Hamdi melahirkan rasa gembira dan teruja kerana inilah kali pertama beliau berpeluang menyaksikan Regata Brunei Darussalam.

# Makmal Pixela realisasikan UBD sebagai universiti penyelidikan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani, Syirain Afifi Md. Fadzil  
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

**TUNGKU LINK**, Khamis, 26 Februari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan pengeluar utama Jepun, Pixela Corporation, melancarkan Makmal Pixela di Bangunan Sains dan Teknologi di kampus universiti berkenaan.

Dengan usaha sama antara rakan kongsi, makmal ini adalah bagi kemudahan penyelidikan dalam bidang lapisan pembinaan salutan *photo-catalytic* bagi penggunaan pada iklim tropika.

Sebagai sebahagian daripada peralihan UBD untuk menjadi sebuah universiti penyelidikan, Makmal Pixela akan menyediakan akses penuh bagi pelajar dan kakitangan akademik

menjalankan kerja-kerja membangunkan dan menghasilkan teknologi terhadap hasil projek penyelidikan yang dirancang.

Menjalankan penyelidikan di bawah Skim Insentif Penyelidikan Brunei (BRISc), ianya bertujuan untuk menarik dan menggalakkan syarikat tempatan dan luar negara dalam menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R & D) di Negara Brunei Darussalam, dengan rancangan jangka panjang untuk mewujudkan aktiviti perniagaan di negara ini, selain menyokong Wawasan 2035 untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam ke arah ekonomi berdasarkan pengetahuan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pelancaran yang berlangsung di

bangunan Entrepreneurship @ Campus, UBD, di sini ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Turut hadir ialah Pemangku Naib Canselor UBD, Profesor Madya Dr. Azman bin Ahmad; Pengarah Putas Bahau Termaju dan Sains Tenaga (CAMES), Dr. Lim Chee Ming; President of Pixela's Subsidiary Company-Pialex Technologies, Dr. Tom Kitamura dan Penasihat Kanan Pialex Technologies, Dr. Susumu Kuwabata.

Pengarah CAMES, Dr. Lim Chee Ming dalam ucapannya menjelaskan, CAMES sebelum ini ditubuhkan atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Konvokesyen UBD 2014.

Menurutnya, ini adalah salah satu projek BRISc pertama yang dilancarkan dan telah maju ke hadapan dengan jayanya.

"Tambahnya pula projek itu kini melangkah ke fasa seterusnya di mana produk reka bentuk Brunei akan menjalani ujian lapangan dan salah satu tapak adalah pembinaan bumbung masjid di JPM," jelasnya.

BRISc juga, katanya, telah menyediakan ruang kepada ahli akademik untuk merentasi jurang antara penyelidikan gunaan dan pembangunan.

Beliau menambah, perkongsian dengan institusi pengajian tinggi tempatan adalah faktor yang sangat penting untuk memastikan pemindahan teknologi melalui pembangunan sumber manusia.

Sementara itu, Penasihat Kanan Pialex Technologies dalam ucapannya pula berkata, PIXELA Corporation dan PIALEX Technologies adalah



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Makmal Pixela di Bangunan Sains dan Teknologi di kampus UBD.

untuk menyasarkan peningkatan teknologi salutan *photo-catalytic* melalui kerjasama penyelidikan ini, di samping untuk membangunkan pasaran luar negara dengan Brunei Darussalam.

Jelasnya, Brunei secara geografi terletak di pusat negara-negara ASEAN dan mempunyai kesan yang kurang halangan kadar tarif.

"Dengan kelebihan yang ada ini, kami berharap kita akan membina rangkaian jualan dan perniagaan yang berpangkalan di Brunei, bersama negara-negara jiran dengan kerjasama kerajaan dan perniagaan entiti Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Beliau berpendapat, Negara Brunei Darussalam adalah negara yang terbaik bagi penyelidikan penjimatan tenaga dan mempunyai sumber manusia yang berpendidikan tinggi dan iklim hutan hujan tropika yang biasa dengan suhu tinggi, kelembapan dan cahaya matahari yang kuat.

Dalam usaha untuk menggalakkan ekonomi berdasarkan pengetahuan selaras dengan Wawasan Brunei 2035, adalah diharapkan bahawa kemudahan penyelidikan ini akan membawa kepada pengkomersialan penyelidikan di Negara Brunei Darussalam dan menarik pelabur berpotensi.

Sementara itu, makmal yang baru ini dijangkakan akan membina profil internalisasi UBD dan reputasi penyelidikan menjadi pilihan perguruan tinggi untuk para pelajar tempatan dan antarabangsa.

CAMES merupakan kemudahan penyelidikan di UBD yang menumpukan kepada penukaran tenaga dan bahan, berfungsi untuk aplikasi tenaga.

Ia menyediakan platform bagi para penyelidik daripada pelbagai bidang untuk datang bersama-sama dengan konsep idea-idea dan mencari penyelesaian untuk masalah berkaitan dengan tenaga.

## Perkembangan pendaratan ikan yu sentiasa dipantau

Dari muka 1

Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ketika ditemui melahirkan penghargaan atas usaha Jabatan Perikanan mengendalikan aktiviti seumpamanya dalam usaha melindungi hidup laut liar terutamanya ikan yu yang merupakan jaringan makanan laut yang paling penting.

Yang Berhormat seterusnya berharap, aktiviti ini akan terus mengukuhkan pengharaman pendaratan, penangkapan dan penjualan sirip ikan Yu serta produk ikan yu yang dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun 2013 dan seterusnya berharap untuk melihat jerung, terutamanya ikan yu paus yang memakan krill dan plankton ini yang sering dilihat di luar kawasan Pantai Brunei.

Program ini juga diharap akan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan memulihara dan menguruskan biodiversiti marin yang terbaik yang dimiliki.

Perubahan iklim dan implikasinya terhadap kebijakan sosial dan komuniti ekonomi di kawasan pesisiran pantai serta ekologi marin dan zon-zon lapisan merupakan isu-isu global yang perlu ditangani.



**PENOLONG Ketua Pegawai Eksekutif LKEB, Awang Abdurahman Abdul Aziz semasa ditemui bual oleh Pemberita PELITA BRUNEI.**

Beliau menambah, ianya juga dilengkapai bukan sahaja tempat berwuduk yang berasingan bagi jemaah lelaki dan perempuan malahan menyediakan tempat penyimpanan barang bagi para penumpang untuk menyimpan beg-beg mereka dengan lebih selamat serta tempat laluan khas bagi orang-orang kurang upaya.

"Pada masa ini, projek ini telah pun mencapai kira-kira 92 peratus kemajuan dan insyaaAllah pihak lembaga menjangkakan surau akan siap pada akhir bulan Februari dan akan mula digunakan selepas suku pertama tahun 2015 ini," ujarnya lagi.

Surau LTAB akan mempamerkan nilai-nilai Brunei iaitu ciri-ciri Melayu Islam Beraja (MIB) dengan diterapkan unsur-unsur keislaman.

Terdahulu sebelum mengadakan lawatan ke tapak projek pemodenan LTAB, rombongan juga mengadakan lawatan ke projek 4,000 unit rumah di Kampung Panchor, Mentiri yang memakan belanja sebanyak

**KAUNTER pemeriksaan imigresen yang baru yang terdapat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ini (kanan).**



**YANG** Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong mendengar penjelasan semasa melawat Makmal Pixela yang dijangkakan akan membina profil internalisasi UBD.

## Pemodenan Terminal LTAB dapat menampung bilangan pelancong

Dari muka 1

Projek tersebut menelan belanja sebanyak BND150 juta dan antara kemajuan yang telah dicapai ialah penggunaan ruang legar ketibaan baru dan dewan berlepas serta Pintu 1 (Gate 1) yang telah beroperasi sejak Oktober 2013 dan diserahkan telah kepada Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan pada tahun 2014 setelah berjaya dalam pengendalian sistem bagasi keluar.

Koridor keselamatan berlepas telah digunakan sejak 8 Januari 2015, manakala dewan baru bagi ketibaan bagasi telah bermula sejak 8 Februari 2015.

Sementara itu, Awang Abdurahman Abdul Aziz ketika ditemui bual menjelaskan, selain daripada terlibat dalam projek pemodenan LTAB ini, LKEB juga bertanggungjawab atau terlibat dalam pembangunan dan pembinaan Surau LTAB.

Jelasnya, Surau LTAB bernilai kira-kira BND3.3 juta dan boleh menampung kira-kira 300 jemaah pada sesuatu masa.

"Di antara matlamat ataupun objektif menyediakan atau membangun surau ini adalah untuk menyediakan tempat bagi orang ramai atau ahli keluarga yang menghantar ahli keluarga mereka yang belseyair bagi menuaikan solat apabila masuk waktu," ujarnya.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah semasa menyaksikan pameran di majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Februari. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menganjurkan Pesta Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2015 selama 10 hari.

Ia juga bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk mendapatkan pelbagai tajuk buku untuk dijadikan sebagai khazanah ilmu pengetahuan dan sekali gus menggerakkan budaya membaca dan mengembangkan serta meningkatkan minda melalui pembacaan dan penyertaan pelbagai kegiatan sampingan seperti ceramah, forum, bengkel dan dialog.

Manakala Karnival Memperkasa Budaya Membaca adalah menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan khususnya dalam program pembangunan negara, selain dapat memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Brunei juga mampu menyampaikan peranan dan fungsi perpustakaan dalam menggalakkan budaya membaca di era teknologi masa kini dengan mengekalkan pembelajaran dan

pengajaran sepanjang hayat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah telah merasmikan pesta berkenaan yang diadakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Terdahulu, Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin berkata, Pesta Buku Brunei buat julung kalinya digabungkan dengan Karnival Memperkasa Budaya Membaca dengan tema 'Buku, Bacalah!'.

Penggabungan pelaksanaan Pesta Buku Brunei dengan Karnival Memperkasa Budaya Membaca ini adalah untuk mendukung matlamat nasional Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan masyarakat yang berpendidikan dan berilmu melalui galakan dan pemupukan budaya membaca.

Menurutnya, inisiatif pengajuran Pesta Buku Brunei adalah untuk mendukung matlamat bersepadu inisiatif lain DBP yang signifikan, iaitu Memperkasa Budaya Membaca dan Awal Literasi dalam upaya menggalakkan anak-anak untuk mula membaca pada usia awal yang kemudiannya perlu dijadikan sebagai

# DBP kembangkan masyarakat celik ilmu pengetahuan

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

satu budaya hidup.

Beliau menambah pengajuran seumpamanya juga bukan setakat mendorong pertumbuhan ekonomi melalui industri pengetahuan, malah memupuk pemahaman lapangan kepada peserta gerai dalam mengenal genre buku yang dicari oleh pengunjung dan pada masa yang sama memupuk kesedaran peri pentingnya budaya membaca bagi pembangunan bangsa dan kemajuan negara.

Majlis perasmian juga diselajurkan dengan pengumuman dan penyampaian pengiktirafan Duta Membaca 2015 kepada wakil setiap daerah yang dianugerahkan kepada Dayang Raihana Asyiqin binti Haji Suhaili bagi Daerah Brunei dan Muara; Dayang Razlinie binti Abdul Razak bagi Daerah Tutong; Dayang Munirah binti Haji Mohd. Rahimi bagi Daerah Temburong dan Awang Tajul Hakim bin Haji Masri dari Daerah Belait.

Hadiah Buku Telaris 2014 bagi Kategori Ilmiah dianugerahkan kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam judul buku Qanun Jenayah Syariah: Satu Pengenalan, terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK).

Sementara penerima Hadiah Buku Telaris 2014 bagi Kategori Umum ialah Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor dengan judul bukunya 'Mun Paham Bisai', bagi Kategori Sastera pula diberikan kepada Dayang Siri Nordahlia binti Dollah dengan hasil karyanya Istikhharah Cintaku.

Manakala Hadiah Buku Terlaris 2014 bagi Kategori Komik dimenangi oleh Awang Mohamad Rezuan bin Haji Jamaeh dengan buku berjudul 'ZOY Topeng Sakti Siri 4' dan Awang Abdul Azim bin Haji Mohamad penerima Kategori Kanak-Kanak dengan hasil karyanya 'Road Safety'.

Hadiah Penerbit Terbaik 2014, DBP telah terpilih sebagai Penerbit Terbaik 2014 bagi Kategori Umum, Sastera dan Komik, sementara JMK dianugerahkan sebagai Kategori Ilmiah dan Syarikat Penerbitan PHMD penerima hadiah bagi Kategori Kanak-Kanak.

Sempena majlis perasmianya, juga diselajurkan pelancaran 14 buah buku baharu yang terdiri daripada tiga buku umum, empat buku sastera, enam buku kanak-kanak dan sebuah buku kumpulan Puisi Dari Jendela Dunia (A collection of Poetry Windoe on the World).

Antara tajuk-tajuk buku baharu tersebut ialah Kefahaman dan Pengajaran Surah Yasin oleh Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin; Sapaan dan Panggilan Generasi Muda oleh Nur Haffizah binti Haji Md. Ada; Panduan Diftong dan Rangkap Vokal Bahasa Melayu Analisis Akustik Berkomputer oleh Dr. Sato Hirobumi @ Rahmat; Kumpula Puisi Sandiwara oleh Puasha; Kembara Mencari Cahaya oleh Nurhamizah Samihon; Pengembaraan Pelanduk dan Singa Ke Planet oleh Haji Romzi Haji Hidup dan Nabil Anak Soleh oleh Kartini

Haji Sapar.

Lebih dari 40 buah syarikat dan tokoh buku menyertai Pesta Buku Brunei 2015 ini yang terdiri daripada toko-toko buku dari dalam dan luar negara dan sebanyak 91 buah petak gerai telah disediakan oleh pihak DBP.

Pesta ini memberi peluang kepada para pengunjung untuk membeli pelbagai buku dengan potongan harga sehingga 70 peratus dan buku-buku yang dijual terdiri daripada pelbagai jenis genre antaranya seperti buku-buku ilmiah, umum, bahasa, kamus, komik, masakan, ekslopedia, istilah, cerita kanak-kanak, buku komputer dan sebagainya.

Pelbagai aktiviti juga turut diadakan di sepanjang berlangsungnya pesta dan karnival ini antaranya ialah seperti Konsultasi Buku, Pertandingan Lagu Puisi Hari Kebangsaan, Pantaran Sastera, Peraduan Mari Bercerita, Kuiz Pelangi, Cabaran Ria Bacathon, Bengkel Melukis MOY, Sudut Bercerita, Mari Adik Kira, Bengkel Sistem Bahasa Melayu, Taklimat e-book, Rumah Pusaka, Mari Membaca Adikku, dan pemeran dan demonstrasi Kreativiti Seni Khat Jawi.

Pesta berkenaan peluang untuk mengenalkan dan menjual buku, di samping untuk berinteraksi di antara pengedar, penerbit, pustakawan dan masyarakat umum dalam meningkatkan daya apresiasi terhadap buku, di samping dapat merancang strategi untuk mengembangkan industri penerbitan buku di peringkat serantau dan antarabangsa.

## Penerima rumah lahirkan rasa syukur

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Khartini Hamir  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Sabtu, 28 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, terus memberikan perhatian terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat termasuk menyediakan rumah-rumah kediaman bagi rakyat yang tidak memiliki

tanah.

Dalam kesempatan ini, Pemberita PELITA BRUNEI telah membuat pendekatan bersama beberapa orang penerima anak-anak kunci rumah berkenaan selepas Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah Serta Anak-Anak Kunci Rumah di bawah Rancangan

Perumahan Negara (RPN) Bukit Beruang Bagi Daerah Tutong yang diadakan di Dewan Mah'ad Islam Brunei pada pagi tadi.

Para peserta yang ditemui rata-rata melahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas perkenan baginda menganugerahkan anak-anak kunci rumah yang akan menjadi kenangan dan rista yang paling indah dalam hidup mereka.

Dalam kesempatan ini, Pemberita PELITA BRUNEI telah membuat pendekatan bersama beberapa orang penerima anak-anak kunci rumah berkenaan selepas Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Lot-Lot Tanah Serta Anak-Anak Kunci Rumah di bawah Rancangan



**PENGIRAN** Haji Mazlan bin Pengiran Haji Abu Bakar, 39 tahun yang bekerja di Jabatan Pengangkutan Darat, Daerah Tutong.

Salah seorang penerima yang sempat ditemui, Dayang Siti Saleha binti Salleh, 36 tahun, penerima anugerah rumah kembar sebelum ini menetap di rumah keluarganya dan suaminya.

Beliau yang bertugas di Penanjong Kem, Kementerian Pertahanan berkata, penganugerahan rumah baru tersebut dinantikan sejak tahun 2005 dan kini baru menjadi kenyataan.

Dayang Siti Saleha seterusnya menjelaskan impiannya selama ini untuk memiliki rumah sendiri yang selesa sudah menjadi kenyataan yang mana, katanya, majlis pada hari ini akan dikenang sebagai memori yang paling indah dan tidak dapat dilupakan dalam hidupnya.

"Sebelum ini saya tinggal bersilang ganti bersama keluarga di Kampung Luagan Timbaran dan rumah keluarga suami saya di Kampung Danau, Tutong."

"Saya merasa sangat teruja, gembira dan dalam masa yang sama merasa terharu apabila dikurniakan rumah jenis kembarnya di RPN Bukit Beruang, Tutong," ujarnya.

Beliau bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menjunjung kasih yang tidak terhingga ke hadapan majlis Kebawah DYMM di atas perkenan baginda menganugerahkan anak-anak kunci rumah pada hari ini

yang mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda akan kesejahteraan, keharmonian dan keselesaan rakyat baginda di Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Awang Mohammad Zulkifli bin Johari, 37, yang bertugas sebagai Pegawai Hal Ehwal Masjid, RPN Bukit Beruang, Mukim Telisai, Daerah Tutong, selaku wakil daripada bapanya, Awang Johari bin Abdullah @ Andray bin Manai, juga merasa terharu dan sangat beruntung serta menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda di atas penganugerahan tersebut.

Beliau juga menjelaskan bahawa kedua-dua ibu bapanya kini menikmati kediaman yang selesa di rumah baru jenis teres dan seterusnya mendoakan agar baginda akan terus dilimpahi rahmat dan dikurniakan kesihatan yang baik serta dikurniakan umur yang panjang.

Seorang lagi peserta yang menerima rumah kembar, Pengiran Haji Mazlan bin Pengiran Haji Abu Bakar, 39, bekerja di Jabatan Pengangkutan Darat, Daerah Tutong pula berkata, penganugerahan ini mencerminkan sikap prihatin, pemedulian serta rasa kasih sayang baginda terhadap rakyat yang bernaung di bumi Brunei Darussalam yang sentiasa diberkati lagi amat bertuah ini.

**DAYANG** Siti Saleha binti Salleh semasa ditemui bual.

# Ekspo 1K1P meriahkan Regata Brunei 2015

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohammad Azmi Awang Damit



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa singgah ke salah sebuah petak jualan Ekspo 1K1P, sempena RBD 2015.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 27 Februari. - Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) bersempena Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 diadakan selama tiga hari bermula 27 Februari hingga 1 Mac 2015 di kawasan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan.

Kira-kira 51 penyertaan yang melibatkan kalangan usahawan mewakili Majlis-Majlis Perundungan

Mukim dan Kampung di negara ini menyertai ekspo jualan tersebut.

Majlis perasmian ekspo tersebut disempurnakan pagi tadi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman yang juga selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi RBD 2015.

Hadir sama pada majlis perasmian

ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Setiausaha-Tetap dan Timbalan Setiausaha-Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung.

Ekspo akan dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula pukul 9 pagi hingga 8.30 malam, manakala pada hari Jumaat ditutup pada pukul 12 tengah hari dan dibuka semula pukul 2.00 petang.

Antara aktiviti sampingan ialah persembahan kebudayaan iaitu gulintangan dan demonstrasi kraf tangan dan pembuatannya.

Setiausaha Majlis Perundungan Kampung (MPK) Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh yang juga Ketua Biro Ekonomi ketika ditemui menjelaskan, pada ekspo tersebut MPK Sungai Bunga mengetengahkan dua produk utama iaitu produk berasaskan ikan laut yang dijadikan keropok serta produk perkhidmatan pelancongan iaitu Program 'Seri Tanjung Homestay'.

Di dalam Program Homestay ataupun 'Day Trip' jelasnya, para pelawat akan dapat merasakan sendiri pengalaman kehidupan di kampung berkenaan, di samping disajikan dengan makanan-makanan tradisional selain demonstrasi produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk kampung tersebut serta tunjuk cara



**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Regata Brunei Darussalam (RBD) 2015 merasmikan Ekspo Jualan Satu Kampung Satu Produk (1K1P).**

pembuatan kikik dan sebagainya.

Menyentuh produk keropok yang dihasilkan oleh Biro Wanita kampung berkenaan terangnya, boleh didapati dalam berbagai-bagai perasa seperti udang, ikan dan keropok bayam (sayur).

Sementara bagi Awang Haji Junggal bin Jumat yang mewakili Majlis Perundungan Mukim Putat pada ekspo jualan tersebut menawarkan hasil produk kraf tangan beliau dan keluarga.

Antara produk kraf tangan tersebut, ialah parang, lesung, permainan gasing, madu lebah asli, anyaman

perhiasan, minyak kelapa, 'keychain' dan sebagainya.

Menurutnya, produk-produk tersebut merupakan hasil buatan turun-temurun daripada nenek moyang keluarganya dan diteruskan sehingga ke hari ini, yang mana para pembeli bukan sahaja dari penduduk tempatan malahan juga pelancong asing.

Selain memasarkan produk tersebut dalam ekspo-ekspo jualan tempatan, Awang Haji Junggal juga berhasrat suatu hari nanti produk kraf tangan beliau akan dapat dipasarkan ke luar negara.

## BIBD cawangan Manggis berwajah baru

Oleh : Khartini Hamir  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MANGGIS,** Jumaat, 27 Februari. - Dalam usaha untuk memberikan pengalaman perbankan 'Bruneian at Heart', Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) melancarkan pembukaan semula Cawangan Manggis yang berwajah baru sejajar dengan imej terbaru BIBD.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, selaku Timbalan Pengurus Badan Penasihat Syariah BIBD hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancarannya.

Cawangan BIBD Manggis yang baru diubah suai itu mula dibuka dari hari Isnin hingga Sabtu, tidak termasuk cuti umum dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang bagi perkhidmatan

cawangan perbankan di Tingkat Satu cawangan berkenaan, manakala bagi perkhidmatan pembiayaan pula mula beroperasi dari hari Isnin hingga Jumaat, pukul 9.00 pagi hingga 9.00 malam di Aras Lantai cawangan tersebut. Kedua-dua perkhidmatan berkenaan akan ditutup sementara dari pukul 11.00 pagi sehingga 2.00 petang bagi Sembahyang Fardu Jumaat dan hari Sabtu perkhidmatan di cawangan berkenaan akan berakhir sehingga pukul 2.00 petang.

Cawangan BIBD dan Pusat Pembiayaan baru berkenaan juga turut menyediakan perkhidmatan seperti Pembiayaan Peribadi, Pembiayaan Rumah dan Pembukaan Akaun, bersama-sama dengan Perkhidmatan Am yang lain termasuk permohonan Kad Debit dan Kredit, mengemaskini

buku akaun dan cetakan penyata.

Di cawangan tersebut juga turut menempatkan Perkhidmatan E-Perbankan 24 jam yang menyediakan kemudahan seperti, lima mesin ATM, satu mesin CQM dan dua mesin CDM yang bertujuan untuk menyediakan urus niaga perbankan dengan cepat dan lancar bagi keselesaan dan keperluan para pelanggan bank berkenaan.

Gabungan baru kemajuan teknologi dan peningkatan yang berterusan ini adalah bagi menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan sebagai perkhidmatan BIBD yang lebih baik diselaraskan dengan cepat menampung keperluan dan kehendak pelanggan bank tersebut.

Pelancaran cawangan baru itu juga mengikut jejak langkah imej korporat baru BIBD yang menekankan nilai-nilai unik kebruneian dan kanvas visual Islam.

Rangkaian menaik taraf cawangan BIBD adalah selaras dengan usaha strategik perjalanan transformasi BIBD, di samping penekanan ke atas 'Bruneian at Heart' mengetengahkan komitmen BIBD kepada aspirasi dan nilai-nilai Brunei serta akar umbi dalam nilai-nilai Brunei dan Islam.

Untuk maklumat lanjut mengenai BIBD dan mana-mana produk dan perkhidmatan, sila layari laman utama BIBD di [www.bibd.com.bn](http://www.bibd.com.bn) atau berhubung terus dengan Pusat Perhubungan Pelanggan BIBD melalui talian 2238181 atau berkunjung terus ke cawangan BIBD yang terdekat.

Orang ramai juga boleh melayari akaun sosial BIBD di Instagram, iaitu BIBDBRUNEI, atau di laman Facebook BIBD, iaitu [www.facebook.com/bibdbrunei](http://www.facebook.com/bibdbrunei), atau dengan penggunaan perkhidmatan telefon bimbit melalui aplikasi BIBD Mobile bagi mengetahui sebarang promosi dan informasi mengenai BIBD di bawah 'What's New'.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, selaku Timbalan Pengurus Badan Penasihat Syariah Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) semasa memotong reben tanda pembukaan semula Cawangan Manggis yang berwajah baru.**



**DATO Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof semasa meninjau lebih dekat kemudahan mesin-mesin ATM yang terdapat di Cawangan Manggis.**

## PDB eratkan hubungan masyarakat Mukim Amo

**TEMBURONG,** Rabu, 25 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Balai Polis Bangar dan Daerah Polis Temburong telah mengadakan perjumpaan bersama masyarakat Mukim Amo.

Perjumpaan diadakan di Balai Raya Kampung Sibut dimulakan dengan taklimat mengenai Kuasa-kuasa Am orang awam dan Akta-akta yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Pegawai Pengguna Balai Polis Bangar, ASP Pengiran Anak Haji Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Ismail Al-Haj. Turut hadir dalam perjumpaan, Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, Pegawai Jenayah dan Lalu Lintas Daerah Polis Temburong dan Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Baharun bin Hj Talip, selaku Penasihat Pengawasan Kejiranan bagi Kampung Selangan / Parit / Biang Baru. Beliau juga memangku Ketua Kampung Sumbiling.

Taklimat berkenan adalah salah satu cara bagi mengembangkan pengetahuan masyarakat terhadap undang-undang yang ada dan kuasa orang awam dalam sama-sama menegakkan perundangan negara.

Di akhir taklimat, mereka juga berpeluang untuk berinteraksi dalam sesi soal jawab dengan pihak Polis.

# Bendera besar diturunkan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



PASUKAN Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) menurunkan bendera pada Upacara Menurunkan Bendera Besar yang berlangsung di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Februari. - Bendera Besar Negara Brunei Darussalam di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah diturunkan bagi menandakan berakhirnya tempoh pengibaran bendera kebangsaan seluruh negara yang bermula pada 8 Februari 2015 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Upacara dimulakan dengan perbarisan masuk Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) ke kawasan tiang bendera bagi Upacara Menurunkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' oleh kumpulan koir dan pasukan Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kemudiannya diserahkan oleh ketua perbarisan anggota TLDB



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa menerima Bendera Besar Negara Brunei Darussalam daripada wakil TLDB.

kepada tetamu kehormat majlis.

Bagi memberkati upacara tersebut, bacaan doa selamat sebagai tanda penutup upacara telah dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran

Haji Bakar.

Turut hadir pada upacara tersebut ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.

# Nilai semula keberkesanan program masjid

Oleh : Nur Faizzah Nawang  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 26 Februari. - Seramai 150 orang peserta menghadiri Majlis Penutup Seminar Khas Pegawai-Pegawai Masjid 2015 yang dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di Dewan Serbaguna Jame' Asr Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan, JHEM, Awang Haji Sham bin Haji Amin, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya berkata, dengan pengisian seminar itu para pegawai masjid sudah mempunyai gagasan dan wawasan untuk terus bangkit dan bergerak dengan menjadikan intipati seminar ini sebagai platform untuk menuju ke arah kemakmuran masjid dan menjadi pegawai masjid yang kreatif, berinovatif, berintegrasi,



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyampaikan sijil kepada peserta seminar (kiri dan kanan).

berketerampilan serta menjadi pemimpin masjid atau masyarakat setempat yang berwibawa dan profesional.

Beliau menambah, melalui pendedahan seminar ini akan dapat membantu para pegawai masjid untuk menilai semula program masjid yang telah dilakar dan dilaksana agar dapat diperbaiki dan dipertingkatkan keberkesanannya dari semasa ke

semasa dan seterusnya bertekad menjadikan masjid sebagai pusat sehenti bagi pembentukan akhlak dan pembangunan insan sekelilingnya.

Beliau berharap agar permuzaikan yang telah digarap membawa impak dan hasil yang baik, transformasi atau perubahan diri dengan peningkatan ilmu, perubahan etika dan minda serta kualiti kerja para peserta sekalian demi kemajuan,

kemakmuran dan kecemerlangan pentadbiran serta pengurusan institusi masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam.

Objektif seminar antara lain bagi mewujudkan suasana kerja yang penuh semangat dan ceria serta menghurau dan cuba menyelesaikan permasalahan yang sering timbul dalam suasana bekerja.

Di samping itu, ia juga sebagai salah

satu tanda aras untuk melaksanakan aktiviti pentakmiran masjid yang cemerlang.

Turut hadir ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam dan Bilal dari seluruh negara serta Yang Dipertua, Negeri Selangor (NGO) (Persatuan Imam, Pegawai Masjid dan Penolong Pendaftar Nikah Negeri Selangor), Haji Yasin bin Mohammad, selaku pembentang kertas kerja.



SESI bergambar ramai rakyat Brunei Darussalam di Kaherah, Mesir sempena Majlis Membaca Doa Kesukuran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31 yang diadakan di Surau Bangunan Darussalam.

persempahan koir Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan', diikuti dengan persempahan nasyid, deklamasi sajak yang bertajuk 'Darussalam' nukilan

daripada Syukri Zain, nyanyian lagu patriotik 'Bendera Negara' dan 'Laungan Brunei Darussalam' daripada para mahasiswa dan mahasiswi Tahun 1. Para hadirin juga telah dihiburkan

dengan tayangan video bertajuk 'Harapan Negara' hasil rekaan Unit Media dan Publisiti, Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Kaherah.

Dengan adanya majlis ini dapat meningkatkan lagi semangat patriotik dan penghayatan hari kemerdekaan dalam diri penuntut yang berada di luar negara khususnya di bumi Mesir.

# Rakyat Brunei di Mesir sambut Hari Kebangsaan Ke-31

Berita dan Foto : Ihsan  
Mohammad Afif Haji Japar

**KAHERAH, MESIR,** Ahad, 22 Februari. - Dengan kerjasama Kedutaan Besar dan Badan Kebajikan Penuntut Brunei Darussalam di Kaherah, rakyat Brunei Darussalam di Kaherah, Mesir telah mengadakan Majlis Membaca Doa Kesukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31.

Majlis yang berlangsung di Surau Bangunan Darussalam dihadiri oleh para pegawai kedutaan dan mahasiswa-mahasiswi yang menuntut di Kaherah dan bermula dengan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti kemudian dengan bacaan Surah Yaa Siin dan doa kesukuran.

Bagi menyerikan lagi majlis tersebut, acara diteruskan dengan

# Celik kewangan atasi gejala berhutang



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail semasa berucap selaku tetamu kehormat merasmikan Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 (TWIFL2015).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Februari. - Kesedaran yang tinggi dalam masyarakat mengenai keperluan adanya pengetahuan dan ilmu 'Celik Kewangan' adalah faktor paling penting dalam mengatasi gejala suka berhutang.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail berkata, setiap

individu bagaimanapun tahap kedudukan kewangannya sama ada banyak atau sedikit perlu mempunyai pengetahuan dan ilmu yang menjadikannya berkemampuan untuk mentadbir kewangannya dengan baik, berhemah dan teratur.

Demikian jelasnya, semasa berucap merasmikan Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 (TWIFL2015) di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Terdahulu, Yang Mulia Dato Seri Setia menjelaskan, gejala suka berhutang ini mungkin timbul hasil daripada pelbagai faktor seperti budaya hidup mewah, tuntutan cara hidup moden yang berlebih-lebihan dan kemudahan-kemudahan mendapatkan pinjaman yang ditawarkan oleh institusi-institusi kewangan dan perbankan.

Menurutnya, pelbagai inisiatif juga telah dan sedang giat diusahakan di negara ini dalam memberikan pengetahuan dan kemahiran mengenai celik kewangan kepada orang awam dan masyarakat setempat oleh pihak-pihak yang berkepentingan termasuk agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta serta organisasi bukan kerajaan (NGO).

Di peringkat Kementerian Pendidikan pula, tambahnya, beberapa program yang berkaitan dengan kewangan dan keusahawanan telah diperkenalkan termasuk program-program intervensi bagi memperkuat dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam numerasi dan literasi.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam numerasi dan literasi.

Menyentuh mengenai program-program berkaitan dengan kewangan dan keusahawanan yang diperkenalkan di peringkat Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia menjelaskan ia termasuk program-program intervensi bagi memperkuat dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam numerasi dan literasi.

"Semua program-program ini adalah bagi mendukung salah satu tujuan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) bagi memenuhi keperluan-keperluan dan cabaran-cabaran perkembangan ekonomi dan sosial abad ke-21," jelasnya.

Manakala di bidang perdagangan dan keusahawanan, beberapa program mengenainya, katanya, telah diperkenalkan seperti program 'Brunei Entrepreneurship Education Scheme (BEES)', Program 'Student Entrepreneurship Development (SEDEX)' dan Program 'Young Enterprise Scheme (YES)', juga penubuhan 'Entrepreneur Village' di Universiti Brunei Darussalam yang merupakan program-program inovatif yang mendedahkan dan mengajar kemahiran-kemahiran keusahawanan

dan perdagangan kepada pelajar-pelajar peringkat menengah, vokasional dan teknikal, juga institusi pengajian tinggi.

Yang Mulia Dato Seri Setia berkata, persekitaran sosioekonomi yang berubah-ubah dan kecanggihan teknologi moden dalam landskap kewangan adalah antara sebab mengapa setiap individu dalam masyarakat itu perlu melengkapkan diri dan keluarganya dengan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan peribadi.

Sebagai penganut agama Islam, ujarnya, terutamanya Muslim dan Muslimah di negara ini perlu celik mengenai kewangan Islam dan orang ramai juga perlu diberikan pengetahuan dan kefahaman yang jelas mengenai konsep kewangan Islam.

"Adalah amat penting untuk memberi panduan kepada orang ramai dalam membuat keputusan dan pilihan yang tepat berkait dengan hal ehwal kewangan seperti simpanan dan penggunaan, perancangan kewangan dan pelaburan, yang kesemuanya hendaklah Patuh Syariah (Syariah Compliance)," ujarnya.

Dalam hubungan ini, tambahnya, institusi-institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan, badan-badan bukan

kerajaan dan pihak swasta terutama institusi-institusi kewangan Islam, memainkan peranan penting dalam melaksanakan aktiviti dan program ke arah mewujudkan masyarakat celik kewangan Islam.

Katanya, bank dan institusi kewangan Islam di negara ini memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan urus niaga tanpa riba (Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba) dan reda-mereda (sesungguhnya jual beli itu terlaksana dengan adanya reda-mereda) bagi perkembangan ekonomi ummah.

Yang Mulia Dato Seri Setia menambah, kewujudan institusi-institusi ini adalah bagi memenuhi fardu kifayah yang diperlukan bagi membolehkan umat Islam di negara ini bermuamalah mengikut lunas-lunas syariah Islamiah.

Oleh yang demikian, ujarnya, kepercayaan orang ramai terhadap kepuatan syariah institusi-institusi kewangan Islam ini perlu diperkuuh dan mantapkan dengan usaha-usaha mempertingkatkan kualiti dan menyebarkan maklumat.

Pada masa yang sama, tambah Yang Mulia Dato Seri Setia, pembelajaran celik kewangan Islam di peringkat sekolah pula, perlu dipertingkatluaskan dan sukatan pelajaran yang berkaitan dengan celik kewangan Islam perlu diserapkan dengan lebih agresif ke dalam kurikulum pembelajaran.

## Menggalakkan celik kewangan Islam

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Februari. - Sebanyak 19 buah kertas kerja daripada 11 buah negara akan dibentangkan sepanjang dua hari berlangsungnya Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 (TWIFL2015) yang bermula hari ini.

Perasmianya disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, berlangsung di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

Dekan Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA, Dr. Fadzliwati binti Mohiddin semasa berucap pada majlis ini antara lain menjelaskan mengenai pembentangan kertas kerja yang terdiri daripada pakar jemputan dari Arab Saudi, Amerika Syarikat, United Kingdom, Malaysia, Republik Indonesia, Bosnia Herzegovina, Jepun, Nigeria dan Negara Brunei Darussalam.

Bengkel tersebut, jelasnya, dianjurkan oleh Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA dengan Institut Penyelidikan dan Latihan Islam (IRTI), Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah, Arab Saudi dengan kerjasama Pusat Pengurusan dan Kewangan, Perbankan Islam (CIBFM), Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD).

Lebih 100 peserta terdiri daripada wakil-wakil dari agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, para pelajar UNISSA dan institusi pengajian tinggi yang lain serta orang-orang persendirian dari dalam dan luar negeri menghadiri bengkel tersebut.

Majlis juga diselanjurkan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UNISSA dan IRTI mengenai projek-projek akan datang seperti penyelidikan, penempatan penuntut, bengkel serta latihan.

Menandatangi bagi pihak UNISSA ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarfan bin Haji Zainal, manakala IRTI diwakili oleh Ketua Bahagian Penyelidikan Ekonomi Islam IRTI, Bank Pembangunan Islam (IDB), Profesor Dr. Abdul Ghafar bin Ismail dan disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan.

Antara tujuan MoU tersebut adalah bagi menyediakan rangka kerja umum bagi memudahkan kolaborasi dan kerjasama antara peserta dalam mempromosi dan melaksanakan kepentingan bersama dalam menganjurkan dan mengadakan bengkel dalam bidang ekonomi, kewangan dan perbankan.

Bengkel antara lain bertujuan untuk menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai celik kewangan Islam, status terkini dan prospek masa depannya, selain bagi menggalakkan celik kewangan Islam, mengetengahkan isu-isu dan cabaran-cabaran serta menghuraikan cadangan penyelesaian dan pemilihan kepada pengguna.



**TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail menyaksikan pertukaran dokumen di antara Rektor UNISSA, Dr. Haji Norfarfan bin Haji Zainal dan Ketua Bahagian Penyelidikan Ekonomi Islam IRTI, Bank Pembangunan Islam (IDB), Profesor Dr. Abdul Ghafar bin Ismail.**

Hasil daripada bengkel ini diharap akan dapat menyenaraikan tindakan dan kemungkinan projek konkret yang

dapat mencadangkan celik kewangan Islam bagi kepentingan umat dari perspektif sosio dan ekonomi.

## Majlis Makan Malam raikan peserta TWIFL2015



Oleh : Hajah Sujimawati Mejari  
Foto : Muhammad Asri Haji Awab

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 25 Februari. - Para peserta yang menghadiri Bengkel Tematik Celik Kewangan Islam 2015 (TWIFL2015) diraikan pada Majlis Jamuan Makan Malam, di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

**UCAPAN** alu-aluan Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA, Dr. Fadzliwati binti Mohiddin.

Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Fadzliwati binti Mohiddin dalam ucapannya menjelaskan, bengkel pada hari pertama para peserta telah dapat mengikuti beberapa perbincangan mengenai kewangan yang timbul daripada pelbagai perspektif. Di samping itu, para pakar yang hadir juga berpeluang untuk bertukar-tukar idea, pandangan dan pendapat menerusi perbincangan tersebut.

Sebelum mengakhiri ucapannya, beliau mengucapkan setinggi penghargaan kepada para pembentang

dan moderator yang hadir dan berharap bengkel ini akan dapat dijadikan kenangan sepanjang keberadaan di Negara Brunei Darussalam.

Bengkel tersebut bertujuan untuk menyediakan gambaran yang menyeluruh mengenai celik kewangan Islam, status terkini dan prospek masa depannya, selain bagi menggalakkan celik kewangan Islam, mengetengahkan isu-isu dan cabaran-cabaran serta menghuraikan cadangan penyelesaian dan pemilihan kepada pengguna.

Hasil daripada bengkel ini diharap akan dapat menyenaraikan tindakan dan kemungkinan projek konkret yang dapat mencadangkan celik kewangan Islam bagi kepentingan umat dari perspektif sosio dan ekonomi.

Sebanyak 19 buah kertas kerja akan

dibentangkan oleh 19 pembentang daripada 11 buah negara antaranya dari Arab Saudi, Amerika Syarikat, United Kingdom, Malaysia, Republik Indonesia, Bosnia Herzegovina, Jepun, Nigeria dan Negara Brunei Darussalam.

Bengkel tersebut dianjurkan oleh Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan, UNISSA dengan Institut Latihan dan Penyelidikan Islam (IRTI), Kumpulan Bank Pembangunan Islam, Jeddah, Arab Saudi dengan kerjasama Pusat Pengurusan dan Kewangan, Perbankan Islam (CIBFM), Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD).

Majlis berakhir dengan penyampaian sijil kepada para pembentang dan moderator.

# Brunei DPMM FC menang bergaya ke atas Harimau Muda



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyaksikan perlawanan pasukan Brunei DPMM FC bertemu dengan pasukan Harimau Muda pada kejohanan Liga S di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mac. - Pasukan Brunei DPMM FC membuka tirai Liga Singapura bagi tahun 2015 dengan mengutip tiga mata penuh setelah menumpaskan pasukan Harimau Muda dengan jaringan 3 - 1 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Pada perlawanan itu, pemain import pasukan Brunei DPMM FC, Rafael Ramazotti berjaya meleddakan jaringan hatrik.

Berangkat menyaksikan perlawanan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Pada separuh masa pertama perlawanan, pasukan Brunei DPMM FC lebih banyak melakukan serangan ke kubu lawan, namun penyudah yang tumpul nyata menghamparkan pasukan tuan rumah.

Namun pada minit ke-23, pemain import baru Brunei DPMM FC, Rafael Ramazotti berjaya menggegarkan gawang Harimau Muda setelah dengan kemas menanduk masuk hantaran rakannya Azwan Ali hasil sepaikan sudut untuk pasukan tuan rumah mendahului pasukan pelawat dengan jaringan 1 - 0.

Kedudukan 1 - 0 tersebut nyata

belum mencukupi buat pasukan Brunei DPMM FC apabila Rafael Ramazotti sekali lagi menjaringkan gol kedua bagi dirinya dan sekali gus merubah kedudukan menjadi 2 - 0 buat pasukan tuan rumah pada minit ke-39.

Gol tersebut tercipta apabila pemain

tengah Brunei DPMM FC, Joe Gamble membuat hantaran kepada Rafael Ramazotti yang sekali gus melakukan rembatan kencang kaki kiri melewati jangkauan penjaga gol pasukan Harimau Muda, Farhan Abu Bakar.

Kedudukan 2 - 0 kekal hingga tamat separuh masa, sekalipun pasukan Brunei DPMM FC kerap

Oleh : Mohammad Arif Matali  
Foto : Masri Osman, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

mencipta beberapa peluang untuk menambahkan jaringan.

Bersambung babak kedua, pasukan Brunei DPMM FC sekali lagi membolosi gawang Harimau Muda pada minit ke-53 apabila Rafael Ramzotti sekali lagi menjaringkan gol ketiga dan hatrik peribadinya pada perlawanan itu setelah menerima umpanan kemas rakannya Joe Gamble dari kiri gawang Harimau Muda dan dengan mudah menyepak masuk ke gawang yang gagal diselamatkan oleh Farhan Abu Bakar untuk merubah kedudukan menjadi 3 - 0.

Walaupun ketinggalan dengan jaringan 3 - 0, pasukan Harimau Muda juga sesekali melakukan serangan ke kubu pasukan Brunei DPMM FC, namun percubaan mereka kerap gagal untuk mengatasi kekentalan pertahanan tengah yang dikawal oleh

Brian Mc Clean dan Azwan Salleh.

Belum cukup dengan jaringan 3 - 0, Jurulatih Pasukan Brunei DPMM FC, Steve Kean membuat peraturan strategi dengan memasukkan, Shahrazen Said untuk menggantikan Rafael Ramzotti bagi menguatkan lagi jentera serangan tuan rumah pada minit ke-85.

Kemasukan tersebut nyata belum mampu untuk menambahkan jaringan buat pasukan tuan rumah.

Ketika perlawanan memasuki minit akhir perlawanan, tiba-tiba pasukan Harimau Muda pula berhasil membolosi gawang pasukan Brunei DPMM FC melalui jaringan pemain gantian, Riduan Abdunloh dengan merembat masuk ke kiri gawang dan seterusnya menewaskan penjaga gol tuan rumah, Wardun Yussof pada minit ke-91.



PEMAIN Brunei DPMM FC, Aminuddin Zakwan dikawal oleh dua pemain Harimau Muda.

## NASIONAL



PENGARAH Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa berucap pada Sidang Media mengenai ceramah umum.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 24 Februari. - Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dalam usahanya untuk memantapkan dan menyebarkan lagi kefahtaman masyarakat di negara ini mengenai Mazhab Shafi'i akan menganjurkan ceramah umum yang bakal diadakan sebanyak lima siri.

Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i itu akan diadakan pada setiap hari Sabtu pada sebelah petang (1.30 - 4.30 petang), bertempat di Dewan Jubli, UNISSA.

Perkara ini dijelaskan oleh Pengarah PPMS, Dr. Abdul Nasir bin Haji

Abdul Rani pada Sidang Media yang berlangsung di pusat tersebut.

Menurut Dr. Abdul Nasir, antara tujuan dalam mengadakan ceramah umum tersebut adalah bagi memperkenalkan kepada masyarakat awam tentang sejarah kehidupan al-Imam al-Shafi'i dan juga bagaimana Mazhab Shafi'i wujud serta menjadi ikutan umat Islam di seluruh dunia khasnya di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu tambahnya, objektif ceramah umum tersebut adalah untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang sumbangsih al-Imam al-Shafi'i dalam pengembangan ilmu pengetahuan Islam khasnya dalam bidang ilmu Fiqh dan Usul al-Fiqh termasuk memperkenalkan kepada orang ramai tentang sumbangsih tulisan-tulisan al-Imam al-Shafi'i dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh.

Sebanyak 10 tajuk akan dibentangkan pada siri ceramah umum tersebut dan disampaikan oleh tenaga-tenaga akademik dari UNISSA

yang sebahagian besarnya terdiri daripada warga tempatan.

Siri pertama ceramah umum akan diadakan pada 28 Februari nanti dan akan diisikan dengan kertas kerja bertajuk 'Kehilangan al-Imam al-Shafi'i dan nasab keturunannya' oleh Ustazah Suaad binti Dr. Haji Serbini dan 'Syakhsiyah al-Imam al-Shafi'i' oleh Dr. Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Bagi siri kedua pula yang akan diadakan pada 7 Mac 2015, kertas kerja bertajuk 'al-Imam al-Shafi'i dalam fasa menuntut ilmu' akan disampaikan oleh Ustazah Yusfariza binti Yusop dari Fakulti Usuluddin, manakala kertas kerja 'al-Imam al-Shafi'i dalam fasa mengajar dan mentadbir' disampaikan oleh Ustazah Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam.

Siri ketiga ceramah umum, iaitu pada 14 Mac 2015 pula akan membentangkan kertas kerja

bertajuk 'Penulisan al-Imam al-Shafi'i dalam bidang Usul al-Fiqh' oleh Ustazah Hajah Nurasmah binti Haji Damit manakala 'Penulisan al-Imam al-Shafi'i dalam Bidang Fiqh (Qawl Qadim dan Qawl Jadid)' pula akan disampaikan oleh Ustazah Siti Zaliha binti Haji Abu Salim dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Ceramah umum akan diteruskan bagi siri keempat pada 21 Mac dengan pembentangan kertas kerja 'Pandangan para ulama terhadap al-Imam al-Shafi'i' oleh Dr. Lilly Suzana binti Shamsu dari Fakulti Usuluddin dan 'Keistimewaan Mazhab Shafi'i berbanding Mazhab lain' daripada Dr. Kamaru Salam bin Yusof dari Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan.

Siri terakhir pula akan diadakan pada 28 Mac 2015 dengan tajuk 'Penyebaran Mazhab Shafi'i ke Negara Brunei Darussalam' oleh Profesor Madya Dr. Haji Mahayudin bin Haji Yahya dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, sementara 'Pengamalan Mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam' pula disampaikan oleh Ustazah Nurul Halimatulwara' binti Haji Mumin dari Fakulti Usuluddin.

Orang ramai adalah dialu-alukan hadir pada siri-siri ceramah umum tersebut pada tarikh-tarikh yang telah dimaklumkan kerana ia dibuka kepada seluruh masyarakat secara percuma.

"Kita masih lagi membuka ruang kepada orang ramai untuk turut sama-sama menghadiri Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i dan kita menganggarkan seramai 100 hingga 200 orang peserta yang akan menyertai ceramah umum tersebut," jelasnya.

Manakala bahasa pengantar siri ceramah umum akan disampaikan dalam bahasa Melayu sepenuhnya.

Antara faedah yang bakal diraih oleh para peserta nanti ialah mereka akan mendapat pengetahuan dan pengalaman baru tentang tajuk yang dibentangkan serta berkongsi maklumat dengan rakan-rakan, di samping lebih mengenali sahsiah al-Imam al-Shafi'i dengan lebih terperinci serta mengukuhkan lagi pegangan terhadap Mazhab Shafi'i yang diikuti.

Sebarang maklumat lanjut mengenai ceramah umum bolehlah menghubungi sekretariatnya melalui talian 2462000 ataupun berkunjung terus ke PPMS di alamat Simpang 347, Jalan Pasar Baharu, Gadong.

# Kod Pakaian Semasa Hari-Hari Persidangan MMN



## PERATURAN BAGI LAWATAN SAMBIL BELAJAR SEMASA HARI-HARI PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN):

1. BAGI sekolah-sekolah dan institusi pendidikan kerajaan dan swasta yang berhasrat untuk membuat lawatan sambil belajar pada hari-hari Persidangan MMN hendaklah menulis surat dan ditujukan kepada alamat yang tersebut di bawah sebelum tarikh lawatan sambil belajar tersebut:

Jurutulis MMN,  
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,  
Bangunan Dewan Majlis, Jalan  
Dewan Majlis,  
Bandar Seri Begawan BB3910  
Negara Brunei Darussalam.

2. Pihak sekolah atau institusi pendidikan kerajaan dan swasta juga dibolehkan untuk menghubungi pihak Urusetia Persidangan MMN untuk sebarang urusan berkenaan lawatan sambil belajar.

3. Murid-murid / penuntut-penuntut / mahasiswa-mahasiswa dimestikan memakai pakaian seperti yang dinyatakan pada tajuk KOD PAKAIAN.

4. Murid-murid / penuntut-penuntut / mahasiswa-mahasiswa dimestikan untuk mematuhi peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan seperti yang dinyatakan pada tajuk PERATURAN DEWAN PERSIDANGAN.

5. Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia Persidangan MMN Ke-11 melalui talian 2380501 / 2381503 / 2381610.

## PERATURAN YANG MESTI DIPATUHI:

• Bagi pelawat yang berhasrat untuk menghadiri Persidangan MMN dimestikan membawa Kad Pengenalan Pintar untuk diberikan pas keselamatan sebelum memasuki kawasan Bangunan Dewan Majlis.

• Bagi institusi pendidikan yang berhasrat untuk mengadakan lawatan sambil belajar semasa hari-hari Persidangan MMN sila hubungi Urusetia Persidangan MMN untuk urusan yang terperinci.

## KOD PAKAIAN:

1. PEGAWAI-PEGAWAI, KAKITANGAN KERAJAAN DAN ORANG AWAM (yang berhasrat mendengarkan persidangan):

- Baju kemeja lengan panjang, tali leher & bersongkok (bagi lelaki)
- Pakaian Melayu Islam Beraja
- Baju Melayu lengkap, sinjang & bersongkok
- Baju kurung & tudung
- Baju kemeja wanita & seluar / skirt labuh panjang (bagi perempuan)
- Lounge Suit

## 2. INSTITUSI PENDIDIKAN:

i. MAHASISWA / MAHASISWI:

- Baju lengan panjang (bagi mahasiswa)
- Baju kurung & tudung (bagi mahasiswi)

- Berpakaian kemas & sopan
- ii. PENUNTUT - PENUNTUT / MURID-MURID:
  - Pakaian seragam sekolah masing-masing (*school uniform*)
  - iii. PAKAIAN YANG TIDAK DIBENARKAN:
    - Topi / Cap
    - Baju lengan pendek, baju-T, baju sukan
    - Seluar jeans, seluar pendek, seluar sukan
    - Skirt pendek, *leggings*
    - Sandal, selipar

## PERATURAN DEWAN PERSIDANGAN: MMN:

1. Merokok adalah ditegah sama ada di luar maupun di dalam kawasan bangunan Dewan Persidangan.
2. Mengambil gambar di dalam Dewan Persidangan semasa persidangan sedang dijalankan adalah ditegah kecuali pihak-pihak yang telah diberikan kebenaran sahaja.
3. Orang ramai / pelawat yang hadir untuk mendengar perbahasan ditegaskannya untuk mengaktifkan telefon bimbit kepada 'Silent Mode' semasa berada di dalam Dewan Persidangan.
4. Orang ramai / pelawat ditegah membawa benda-benda berbahaya yang boleh mengancam keselamatan Dewan Persidangan.

5. Bercakap-cakap dan membuat bising adalah ditegah semasa persidangan dijalankan.
6. Mematuhi tatacara masuk dan keluar Dewan Persidangan semasa persidangan sedang dijalankan.

## PAKAIAN BAGI ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-11 MMN BAGI TAHUN 1436H / 2015M BAGI AHLI YANG BERHORMAT:

- Pakaian seragam (uniform) dengan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan (untuk Menteri-Menteri Kabinet).

- Pakaian seragam (uniform) atau Pakaian Kebangsaan Hitam dengan Bertajak (Dastar) berserta Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

- Baju Kurung Hitam (bagi wanita) berserta dengan Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

## JEMPUTAN KHAS:

- Pakaian seragam (uniform) bagi Wazir-wazir, Cheteria-cheteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, Timbalan-timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Ugama Islam.

- Jemputan khas yang tidak mempunyai pakaian seragam (uniform) yang diberikan keistimewaan kedudukan di atas dais ialah berpakaian Hitam (bersongkok) bersama Bintang-bintang dan Pingat-pingat Kehormatan.

## JEMPUTAN-JEMPUTAN YANG LAIN:

- Pakaian Kebangsaan Hitam atau Lounge Suit Gelap.

## PERMOHONAN DAN PENG-GUNAAN PAS KESELAMATAN BADAN SEMASA MENGHADIRI PERSIDANGAN MMN KE-11 BAGI TAHUN 1436H / 2015M

### 1. SETIAUSAHA TETAP DAN TIMBALAN SETIAUSAHA TETAP:

Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap tidak perlu memohon atau menggunakan Pas Keselamatan Badan untuk menghadiri Persidangan MMN Ke-11.

Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap hanya diminta untuk

## Keberangkatan lawatan mencerminkan keprihatinan baginda



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperlihatkan kewibawaan baginda sebagai raja yang prihatin, pemedulian dan pengasih tentang kehidupan rakyat baginda dengan berkenan berangkat bercemar duli ke rumah-rumah para penerima kunci rumah di Jalan Bukit Dilou, Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang, Mukim Telisai. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (*Berita lanjut dan gambar-gambar dimuatkan di muka 3, 4, 5, 6 dan 7*).

melalui Mesin Pengimbas (Scanning Machine) yang terdapat pada pintu masuk ke Bangunan Dewan Majlis.

## 2. KETUA JABATAN / PENGARAH / PEGAWAI PENGIRING MENTERI:

Ketua Jabatan, Pengarah dan Pegawai Pengiring (Personal Assisting Officer) kepada Menteri adalah dipohonkan untuk menghadapkan permohonan bagi mendapatkan Pas Keselamatan Badan melalui

persuratan dengan melampirkan senarai nama termasuk jawatan dan no. kad pengenalan dan dihadapkan kepada:

Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan BB 3910 Negara Brunei Darussalam. (u.p. Jawatankuasa Keselamatan)

## 3. PEGAWAI-PEGAWAI KERA-

## JAAN / ORANG AWAM:

Pegawai-pegawai Kerajaan diminta untuk membawa kad pengenalan untuk mendapatkan pas keselamatan badan di pos-pos sekuriti.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Urusetia Persidangan MMN, Jabatan MMN melalui talian

No. Telefon : 2380 501 / 2381 503 / 2381 610 atau melalui talian No. Faks : 2385500 atau melayari URL: [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn).



## PERKASA BUDAYA MEMBACA DENGAN BERKUNJUNG KE PESTA BUKU BRUNEI

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان چیتق اوله جباتن چرچیتئن کراجان، نکارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.